

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

FAKULTI PERAKAUNAN

JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

HASLINDA BINTI YUSOFF

KETUA UNIT KUALITI :

NORMAHIRAN BINTI YATIM

PENYELARAS :

MAHPUDZAH BINTI MOHAMAD

PENULIS :

1. NUR ADURA BT AHMAD NORUDDIN @ NORDIN
2. NORLI BINTI ALI
3. BEDAH BT AHMAD
4. AIDA HAZLIN BINTI ISMAIL
5. RAZINAH BINTI HASSAN
6. YUSARINA BT MAT ISA
7. PUTEH MARIAM BINTI ISMAIL

8. NOORLAILA BINTI GHAZALI
9. ANISAH BT MAHMOOD
10. MUTHYAAH BINTI MOHD JAMIL
11. SERI AYU MASURI BINTI MD DAUD
12. MOHAMAD EZRIEN BIN MOHAMAD KAMAL
13. KAMARUZZAMAN BIN MUHAMMAD
14. SHUKRIAH BT SA'AD
15. TENGKU FAIRUZ BT TENGKU EMBONG
16. ISMI RIDHWAN BIN ISMAIL
17. Y. NURLI BINTI ABU BAKAR
18. SUHAILY BINTI HASNAN
19. SUHAILY BINTI HASNAN
20. TUAN ZAINUN BINTI TUAN MAT
21. NURULHUDA BINTI ABD RAHMAN
22. NORMAHIRAN BINTI YATIM
23. ROSZANA BINTI TAPSIR
24. NORILMIAH BINTI AZIS
25. NURHAZRINA BINTI MAT RAHIM
26. MOHD FAIRUZ BIN ADNAN
27. NAZREEN BINTI SAHOL HAMID
28. ROHAYU BINTI YUSOP
29. SITI NURHAZWANI BINTI KAMARUDIN
30. MOHAMAD SHAHRIL BIN ISAHAK
31. RIZWANA BINTI MD YUSOF
32. YUSRI HAZROL BIN YUSOFF
33. NUR SYUHADA BINTI JASNI
34. HALIM SHUHAIMI BIN YEOP JOHARI
35. NUR HAYATI BINTI AB SAMAD
36. SALSIAH BINTI MOHD ALI
37. MUZRIFAH BINTI MOHAMED

38. MAHPUDZAH BINTI MOHAMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan Kanan Fakulti Perakaunan (FPN) memberi fokus utama terhadap bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) secara holistik dan berstruktur, bermatlamat menjadikan FPN sebagai “Globally Renowned Faculty” menjelang 2025. Inisiatif bermula dengan perancangan melalui Pelan Strategik JIK, dibentuk daripada keterlibatan erat dijalin secara proaktif dan sedia ada di antara Kepimpinan Kanan FPN, staf, pihak industri, badan kerajaan, alumni, komuniti dan masyarakat. Ia juga sebahagian daripada pelan strategik Fakulti Perakaunan 2020-2025 (PSFPN 2020-2025) yang dilaksanakan melalui 7 projek utama merangkumi 1. “Dynamic Linkages”; 2. “FACT Young Entrepreneur”; 3. “FACT Entrepreneur Educator Expert”; 4. “Impactful USR/KPT Program” 5. “FACT Integrated Alumni Database”; 6. “FACT IND-Zone Trading Hub; 7. “FACT Care 4 Communities.

Keberkesanan pencapaian setiap projek dinilai melalui kejayaan memenuhi sasaran yang ditetapkan selaras dengan sasaran pencapaian oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) UiTM. Pelaksanaan projek-projek ini digembelingkan melalui kolaborasi erat di antara warga FPN bersama pihak industri, alumni, akademia, badan kerajaan serta komuniti. FPN menggunakan pendekatan ‘jaringan sinergi bersepadu’ melibatkan keterangkuman 6 unit utama (RICAEN, HEP, HEA, Jabatan Professional, Unit Pascasiswazah, dan Pentadbiran) bekerjasama dengan pemegang taruh bagi menggerakkan bidang tumpuan JIK menerusi 7 projek tersebut. Timbalan Dekan PJI bersama koordinator juga telah mengambil langkah proaktif dengan turun padang untuk meneroka jaringan baru bagi tujuan pemerkasaan jumlah rangkaian jaringan bersama pemegang taruh bagi memantapkan matlamat FPN mencapai “Globally Renowned Faculty 2025” bercirikan “Catalyst”, “Enabler” dan “Enhancer”.

Untuk menjayakan PSFPN 2020-2025 bidang tumpuan JIK, pemantauan dan pengurusan risiko dititikberatkan. Proses pemantauan inisiatif strategik JIK dibahagi kepada dua; pemantauan dalaman menerusi siri mesyuarat dan audit, dan pemantauan luaran melalui siri penglibatan bersama pemegang taruh. Data dari maklumbalas pemegang taruh dan komunikasi berterusan bersama komuniti perakaunan turut menjadi mekanisme pemantauan pencapaian objektif dan inisiatif strategik JIK. Pemantauan keberkesanan setiap projek yang dijalankan turut dibuat melalui penilaian peserta menggunakan borang maklumbalas aktiviti dan program yang dianjurkan pada akhir program.

Kepimpinan kanan FPN menitikberatkan pembudayaan integriti serta akauntabiliti di dalam setiap tindakan melalui pematuhan arahan dasar dan mekanisme pengurusan risiko untuk mengenalpasti, menganalisa, menilai, mengkategorikan, dan mengawal risiko. Langkah pertama adalah mengenal pasti risiko dan punca risiko jabatan masing-masing. Langkah kedua merupakan tindakan pencegahan bagi memastikan setiap risiko dapat diatasi dengan baik. Seterusnya, langkah ketiga melibatkan pemantauan risiko secara berkala oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik. Risiko tahap Ekstrem akan diberi keutamaan oleh kepimpinan kanan diikuti seterusnya dengan risiko tahap Tinggi, Sederhana dan Rendah untuk tindakan kawalan dan pencegahan.

Tahap risiko turut dikemaskini dalam memastikan data adalah terkini dalam membantu FPN mengenalpasti langkah yang efektif dalam mengawal dan menangani risiko pada

peringkat lebih awal. Hasil tindakan penambahbaikan prestasi yang diambil dari pemantauan berkala melalui siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklum balas pemegang taruh di analisa dan di bincangkan di peringkat pengurusan tertinggi dan peringkat pentadbiran setiap unit di FPN.

Kepimpinan kanan FPN menitikberatkan budaya kebersamaan (togetherness culture) warganya dalam menggerakkan jabatan untuk merealisasikan aktiviti dan program yang dirancang. Setiap inisiatif strategik yang dirancang selari dengan misi, visi dan objektif FPN untuk kebaikan semua pemegang taruh yang terlibat.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan FPN mengadaptasi pendekatan ‘kepimpinan transformasi’, berteraskan pengwujudan ekosistem yang menyokong, membimbing, dan memberi inspirasi untuk warga FPN berinovasi, membangun dan mencapai kejayaan individu bagi memacu FPN ke arah kejayaan bersama.

Perancangan holistik berstruktur dan sistematik diguna pakai untuk bidang tumpuan JIK mencapai matlamat FPN sebagai “Globally Renown Faculty” menjelang 2025. Perancangan sistematik JIK dipacu 3 ciri utama; “Catalyst”, “Enabler” dan “Enhancer” (CEE) melalui kerjasama erat bersama pihak dalaman dan pemegang taruh. Ciri “Catalyst”(C) bermaksud kebolehan mewujudkan kerjasama strategik bersama badan berkepentingan; ciri “Enabler”(E), keupayaan menghasilkan perkongsian berteraskan nilai seperti penjana dana dan sumbangan komuniti; dan “Enhancer” (E), menjadi hab sumber rujukan kepakaran.

Perancangan sistematik JIK mengaplikasi elemen inovasi menerusi kolaborasi bersama pemegang taruh bagi memperkasakan pembangunan akademik, pembangunan pelajar, penjana pendapatan, pembangunan staf dan pembangunan masyarakat. Ini melibatkan warga FPN meliputi 6 unit utama (RICAEN, HEA, HEP, Professional, Pascasiswazah, Pentadbiran); (infografik 1.1) dan 8 “Talent Clusters” (infografik 1.2) bekerjasama dengan pemegang taruh (infografik 1.3). Kolaborasi ini sekaligus meningkatkan kompetensi FPN menerusi perkongsian ilmu dan aplikasi teori dari perspektif pemegang taruh.

Perancangan sistematik JIK dirangkum PSFPN 2020-2025, bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 (Tema strategik 2: “Entrepreneurial and Well-Balanced Graduates” dan 4: “Industry, Community and Alumni Smart Partnership”). Bidang JIK mengerah dan memanfaatkan hubungan erat yang terjalin bersama pemegang taruh melalui kolaborasi erat, perbincangan serta aktiviti yang dilaksanakan bersama pemegang taruh.

Perancangan sistematik JIK dilaksanakan melalui 7 projek utama. Projek 1: “Dynamic Linkages” iaitu inisiatif kerjasama strategik bersama industri ; Projek 2: “FACT Young Entrepreneur”, Projek 3: “FACT Entrepreneur Educator” dan Projek 6: FACT IND-Zone Trading Hub ialah inisiatif program keusahawanan; Projek 4: “Impactful USR/KPT Program” dan Projek 7: FACT Care 4 Communities ialah inisiatif membantu komuniti dan masyarakat; Projek 5: “FACT Integrated Alumni Database” mensasarkan pemerkasaan kerjasama bersama pihak alumni FPN. Keberkesanan projek dinilai berdasarkan pencapaian sasaran yang ditetapkan pihak BTU, UiTM.

Projek JIK dirancang pada awal tahun melalui Bengkel Perancangan Strategik FPN melibatkan warga FPN dari pelbagai peringkat jawatan untuk membolehkan perkongsian pengetahuan yang lebih mantap bagi menghasilkan program JIK berimpak, serta ke arah pembangunan intelektual pensyarah fakulti yang berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_K01_KB02_20231_1.2.Info.1.1.pdf](#)

2. [F0014_K01_KB02_20232_1.2 info 1.3.pdf](#)
3. [F0014_K01_KB02_20233_Plan main.pdf](#)
4. [F0014_K01_KB02_20234_Laporan-Kastam.pdf](#)
5. [F0014_K01_KB02_20235_USR 2022.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPN menggerakkan bidang tumpuan JIK melalui mekanisme “FACT Talent Clusters” yang memadankan pengalaman, kepakaran, dan jaringan warga FPN bersama industri untuk memacu jentera CEE melalui 7 projek yang dirancang. Setiap warga akademik FPN adalah ahli kepada salah satu daripada 8 “Talent Clusters”, berdasarkan kepakaran bidang, pengalaman dan bakat masing-masing. Ia merangkumi bidang (1) “Strategic Management Accounting”; (2) “Taxation”; (3) “Sustainability & Governance”; (4) “Public & Corporate Accounting Reporting”; (5) “Transformational Accounting Education”; (6) “Audit Forensic & Criminology”; (7) “Digitalisation Accounting”; dan (8) “Islamic Accounting & Finance”. (Infografik 1.2)

Gerakan awal dimulakan oleh ketua projek yang dilantik, dibantu oleh koordinator dan dipantau Timbalan Dekan dan Timbalan Pendaftar Kanan FPN. Ketua projek, dan ahli jawatankuasa mengenalpasti penglibatan kepakaran 8 “Talent Clusters” yang bersesuaian untuk menerajui projek JIK berdasarkan kriteria kepakaran, pengalaman dan jaringan perhubungan yang luas bersama pemegang taruh. Penglibatan dan kerjasama padu warga FPN menerusi “Talent Cluster” masing-masing menentukan kejayaan projek-projek yang dirancang. Kaedah ini juga berjaya mengekalkan minat warga FPN disemua peringkat untuk terus melibatkan diri atas kesedaran kepentingan menjalin usahasama mantap dengan pemegang taruh demi kecemerlangan bersama di samping pengiktirafan di atas sumbangan yang dicurahkan.

Melalui 8 “Talent Clusters” membolehkan warga FPN dikerah mengikut kesesuaian seterusnya memudahkan kerjasama bersama pemegang taruh apabila mereka mempunyai jaringan perhubungan yang luas dan berpengalaman dalam melaksanakan projek JIK berkaitan. Timbalan Dekan PJI bersama koordinator juga mengambil langkah proaktif dengan mempertingkatkan bilangan rangkaian jaringan bersama pemegang taruh bagi memantapkan matlamat FPN mencapai “Globally Renowned Faculty 2025” bercirikan “Catalyst”, “Enabler” dan “Enhancer”. Kerjasama sinergi turut diberikan oleh ahli kepimpinan kanan FPN serta ahli “Talent Cluster” untuk memperkembangkan rangkaian jaringan kolaborasi melalui kenalan masing-masing. Ini telah menghasilkan bilangan kolaborasi yang memberangsangkan dan menepati sasaran yang ditetapkan oleh pihak UiTM. (Infografik 1.4).

Tahap kemajuan dan pencapaian setiap projek JIK dimaklumkan kepada warga FPN melalui platform media sosial serta mesyuarat staf akademik bagi menarik minat lebih ramai warga FPN yang lain turut serta menjayakan aktiviti terbabit. Pendekatan yang diambil membolehkan projek berkaitan JIK mencapai hasil yang memberangsangkan, mencapai sasaran ditetapkan BTU di samping memperkasakan lagi jaringan kolaborasi bersama pihak industri, akademia antarabangsa dan nasional, serta komuniti berkeperluan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB03_20231_1.2 Info1.2.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB03_20232_Info 1.4 Peta PI.pdf](#)

3. [F0014_K01_KB03_20233_Cluster join.pdf](#)
4. [F0014_K01_KB03_20234_Org Asli Banting_TAE.pdf](#)
5. [F0014_K01_KB03_20235_Prog Bersama Guru Prinsip Akaun.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Aspek pemantauan, pengurusan risiko serta penambahbaikan berterusan ke atas semua program yang dilaksanakan adalah penting agar keberkesanan projek-projek yang dianjurkan dapat dimanfaatkan di peringkat FPN dan juga di peringkat UiTM

Bagi menjayakan pelan strategik PSFPN2020-2025 bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) aspek pemantauan, pengurusan dan analisa risiko bagi tujuan penambahbaikan prestasi amat dititikberatkan. Justeru, pelbagai mekanisma kitaran pemantauan dilaksanakan secara berkala melalui MPE bulanan, MKSP, Mesyuarat Perancangan Strategik (MPS) dan Mesyuarat Pengurusan Risiko.

Selain itu, pemerksaan melalui siri audit dalaman dan penilaian sendiri serta maklumbalas oleh pemegang taruh turut dilakukan dalam menjalankan proses pemantauan yang efektif (sila rujuk Infografik 1.5).

Proses pemantauan inisiatif strategik dibahagi dua; i) pemantauan dalaman secara berkala melalui mekanisma rasmi fakulti dan audit ii) pemantauan luaran melalui siri penglibatan bersama pemegang taruh bagi memastikan objektif strategik fakulti dan objektif inisiatif strategik dicapai dalam kerangka masa yang ditetapkan. Data dalaman berkaitan pelaksanaan aktiviti mengikut jabatan (Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Jaringan Industri dan Penyelidikan (RICAEN) serta pentadbiran fakulti) yang menyokong bidang tujuan JIK dianalisa, punca kegagalan dikenalpasti dan strategi intervensi diteliti secara konsisten samada secara bulanan, suku tahunan, dwi tahunan atau mengikut keperluan semasa. Data dari maklumbalas pemegang taruh dan komunikasi berterusan bersama komuniti perakaunan yang terdiri daripada badan profesional, kementerian dan pihak industri turut menjadi mekanisme pemantauan pencapaian objektif dan inisiatif strategik JI&K. Data yang digunakan merangkumi laporan pencapaian berkala BTU, laporan kepuasan pelanggan, laporan aktiviti MOU/MOA, skor MyRA, dapatan QS Ranking dan sebagainya.

Seiring dengan penggunaan mekanisme penyebaran maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan melalui penggunaan media sosial, proses pemantauan dan penerimaan maklumbalas dari semua pemegang taruh juga menggunakan platform yang sama. Aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Twitter, laman Instagram dan platform rasmi seperti emel serta laman sesawang, turut dijadikan sebagai bentuk pemantauan dengan menerima maklumbalas dari pelbagai pihak. Pemantauan keberkesanan setiap projek yang dijalankan turut dibuat melalui penilaian peserta menggunakan borang maklumbalas aktiviti dan program yang dianjurkan pada akhir program.

Analisa tahap kefahaman dan kepuasan hati dijadikan pengukur keberkesanan program yang dijalankan untuk penambahbaikan pada program yang akan datang. (Bukti 1)

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_K01_KB04_KC01_20231_Minit Bil 12-2022_new.pdf](#)

2. [F0014_K01_KB04_KC01_20232_Info 1.6 Proses kawal risk.pdf](#)
3. [F0014_K01_KB04_KC01_20233_MKSP ANALISA RISK.pdf](#)
4. [F0014_K01_KB04_KC01_20234_PELAN KAWAL RISK.pdf](#)
5. [F0014_K01_KB04_KC01_20235_All projects.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM dijadikan panduan utama oleh kepimpinan kanan FPN untuk mengenalpasti, menganalisa, menilai, mengkategorikan, dan mengawal risiko. Langkah pertama memerlukan setiap jabatan yang diketuai oleh TD dan Timbalan Pendaftar Kanan untuk mengenalpasti risiko dan punca risiko jabatan masing-masing. Ini dilaksanakan pada peringkat perancangan sesuatu inisiatif JIK yang diklasifikasikan kepada enam kategori risiko; strategik, kewangan, perundangan, reputasi, operasi dan projek utama. Seterusnya, jenis risiko, punca dan impak dikenalpasti dan dianalisa berdasarkan kawalan sedia ada dan cadangan penambahbaikan oleh ketua jabatan (infografik 1.6 dan infografik 1.7).

Risiko strategik melibatkan halangan kepada halatuju dan objektif JIK di FPN dalam mencapai visi, misi dan objektif kualiti FPN sebagai sasaran dalaman, serta pelbagai sasaran luaran seperti pencapaian indikator BTU UiTM, pencapaian Malaysian Research Assessment (MYRA), dan World QS Ranking. Risiko kewangan merujuk kepada halangan pembiayaan bagi melaksanakan setiap inisiatif strategik dan aktiviti berimpak tinggi FPN. Risiko perundangan dan reputasi bertumpu kepada implikasi perundangan dan implikasi kepada imej dan ketampakan FPN. Risiko operasi dan risiko projek utama pula adalah saling berkaitan di mana risiko operasi lebih melihat kepada semua proses kerja yang terlibat dalam mencapai objektif FPN, manakala risiko projek utama adalah bertumpu kepada sesuatu projek atau inisiatif strategik yang dijalankan oleh FPN. Tahap untuk risiko ini dinilai melalui matrik impak dengan mengambil kira faktor kebarangkalian dan penilaian impak dan dikelaskan kepada empat tahap risiko berikut: Rendah, Sederhana, Tinggi dan Ekstrem.

Langkah kedua, merupakan tindakan pencegahan bagi memastikan setiap risiko dapat diatasi dengan baik. Langkah ketiga melibatkan pemantauan risiko secara berkala oleh jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti (Bukti 2, 3 dan 4). Melalui langkah ini, FPN menilai samada risiko tersebut telahpun berjaya dicegah atau mungkin terdapat risiko baru yang wujud. Bagi risiko yang baru wujud, pelan mitigasi yang baru dibentuk supaya risiko dapat dikawal atau diatasi dengan segera. FPN menggunakan matrik impak bagi menilai kebarangkalian berlakunya sesuatu risiko dan tahap impak keatas reputasi fakulti serta UiTM, dari aspek kewangan, operasi dan objektif strategik (infografik 1.8). Risiko tahap Ekstrem akan diberi keutamaan oleh kepimpinan kanan diikuti seterusnya oleh risiko tahap Tinggi, Sederhana dan Rendah untuk tindakan kawalan dan pencegahan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB04_KC02_20231_Kitaran pantau.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB04_KC02_20232_MKSP-FACT.pdf](#)
3. [F0014_K01_KB04_KC02_20233_SAP_ICAN .pdf](#)
4. [F0014_K01_KB04_KC02_20234_Monitoring.pdf](#)
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelbagai tindakan penambahbaikan dibuat secara seragam dan berterusan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik JIK. Ini merangkumi perancangan sistematik kepimpinan kanan FPN disusuli mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang telus dengan mengambil kira risiko-risiko yang terlibat. Kepimpinan kanan FPN melaksanakan semakan risiko dari peringkat awal, seiring dengan perancangan objektif dan inisiatif strategik.

Pada peringkat pemantauan awal, data-data di analisa bagi mengenalpasti inisiatif yang belum dicapai, atau kemungkinan wujud halangan-halangan kepada pelaksanaan inisiatif berkaitan. Di peringkat ini juga dan melalui mesyuarat setiap suku tahunan, kebarangkalian risiko-risiko yang baharu turut di kenalpasti. Seterusnya, proses pemantauan risiko dilaksanakan setiap suku tahun bagi mengenalpasti perubahan risiko sedia ada serta risiko baharu yang mungkin berlaku bagi memastikan tindakan efektif diambil. Tahap risiko turut dikemaskini dalam memastikan data adalah terkini supaya membantu FPN mengenalpasti langkah seterusnya dalam mengawal dan menangani risiko pada peringkat lebih awal. FPN akan menambahbaik strategi semasa sebagai langkah pencegahan bagi meminimumkan tahap risiko.

Hasil tindakan penambahbaikan prestasi yang diambil dari pemantauan berkala melalui siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklum balas pemegang taruh di analisa dan di bincangkan di peringkat pengurusan tertinggi dan peringkat pentadbiran setiap unit FPN. Maklumat hasil tindakan penambahbaikan tersebut diperolehi dari laporan pencapaian objektif dan inisiatif strategik JIK. Penilaian dibuat berdasarkan impak penambahbaikan keatas pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkaitan. Hasil analisa dijadikan panduan dalam melaksanakan langkah-langkah intervensi bagi memastikan kelancaran program atau aktiviti berkaitan. Jadual 1 memaparkan amalan proses tindakan penambahbaikan prestasi. Kepimpinan kanan FPN turut memberi penekanan kepada intervensi secara bersasar dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik JIK dicapai. Mekanisme sebaran maklumat yang digunakan merangkumi sesi taklimat umum dan bersasar (ahli projek pelan strategik), sesi mesyuarat akademik, perjumpaan dengan warga secara fizikal dan maya, atau pemakluman melalui media elektronik (Bukti 5). Sesi perjumpaan staf bersama dekan dijalankan secara berkala sebagai platform penyampaian hasil analisis tersebut. Penyampaian hasil analisis dan perbincangan kepada warga FPN ditekankan dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik JIK.

Justeru, kepimpinan kanan akan segera memaklumkan dan menguar-uarkan hasil analisa berkaitan kepada warga FPN secara menyeluruh untuk memastikan warga faham dan bersama-sama menangani cabaran dan mengatasi risiko yang boleh menjejaskan pencapaian bidang tujuan JIK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB04_KC03_20231_FACT SP_MKSP.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB04_KC03_20232_MKSP-eRMS.pdf](#)

3. [F0014_K01_KB04_KC03_20233_penambahbaik_prestasi .pdf](#)
4. [F0014_K01_KB04_KC03_20234_Slides Acad meeting.pdf](#)
5. [F0014_K01_KB04_KC03_20235_Monitoring.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan JIK, kepimpinan kanan FPN menitikberatkan pembudayaan penjajaran, semangat kebersamaan serta harmoni dalam menggerakkan jabatan merealisasikan aktiviti dan program yang dirancang. Setiap inisiatif strategik yang dirancang selari dengan misi, visi dan objektif FPN untuk kebaikan semua pemegang taruh yang terlibat. Kepimpinan kanan FPN yang khusus bagi bidang tumpuan JIK bersama Timbalan Dekan JIK memacu inisiatif jaringan yang proaktif dan sinergi jaringan bagi setiap perancangan strategik yang telah dirancang.

Kepimpinan kanan FPN menumpukan pembudayaan penjajaran, semangat kebersamaan serta harmoni di antara warga FPN dengan rakan industri, masyarakat dan akademia. Ini dicapai melalui kebersamaan warga dan kerjasama yang utuh di antara Timbalan Dekan JIK bersama Dekan, Timbalan Dekan Akademik, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Pendaftar, Koordinator dan seluruh warga fakulti (pensyarah, staf pentadbiran, pelajar) yang menjadi teras utama dalam menjalinkan penjajaran yang mantap dengan pihak industri dan juga badan profesional. (sila rujuk infografik 1.1) Untuk memastikan kelancaran setiap perancangan strategik, fokus utama adalah menjurus kepada kerjasama dan komunikasi dua hala yang diadakan secara telus dan berkala di antara kepimpinan kanan FPN bersama Ketua Projek, Koordinator, Penyelaras dan ahli yang dilantik. Pelaporan dan pemantauan setiap projek JIK di dalam pelan strategik dibuat secara sistematik melalui mesyuarat berkala bagi mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini.

Perwarwaran berkenaan Perancangan Strategik turut dikongsikan di dalam media sosial FPN (Facebook, Instagram, Twitter dan Whatsapp) dan platform rasmi (jaringan sesawang, email). Keterangkuman dan penglibatan warga FPN memberi impak besar dalam penghasilan perancangan strategik bagi bidang tumpuan JI&K yang berkesan. Sebagai contoh, hasil penglibatan semua pihak yang dipertanggungjawabkan, FPN telah dinobatkan pencapaian cemerlang untuk semua perancangan strategik yang telah dirancang: (i) Dynamic Linkages, (ii) Impactful USR/KPT Program, (iii) FACT Young Entrepreneur dan (iv) FACT Entrepreneur Educator Expert dengan meraih 100% skor pencapaian bagi semua PI yang terlibat.

Pencapaian di atas membuktikan keberkesanan amalan pembudayaan kepimpinan kanan FPN dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan, seterusnya menjadi titik tolak FPN dalam menyumbang ke arah merealisasikan visi UiTM - A Globally Renowned University menjelang 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB05_20231_Program USR.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB05_20232_Alumni Ambassadors .pdf](#)
3. [F0014_K01_KB05_20233_Bantuan Kit Solat .pdf](#)
4. [F0014_K01_KB05_20234_Infaq Kasih Ramadhan .pdf](#)
5. [F0014_K01_KB05_20235_KWSP dan UiTM.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2022 (**PSFPN2022**) secara umumnya dirangka agar selari dengan Pelan Strategik di peringkat Negara dibawah **Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11)** dan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi 2013 – 2025 (PPMPT 2013-2025)** serta berpaksikan **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** yang digubal pada tahun 1988 (semakan 1996). Selain itu, PSFPN2022 juga berpandukan kepada **Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Strategik FPN 2020-2025**. Semua Pelan Strategik ini secara signifikan telah **mempengaruhi hala tuju, penjenamaan dan kedudukan FPN** untuk tempoh berkenaan. Ini diterjemahkan melalui pembentukan PS tahunan yang menggariskan strategi dan projek ke arah mencapai matlamat strategik tersebut.

Bagi mencapai matlamat strategik di atas, UiTM telah menetapkan sasaran *milestone* untuk tempoh 2020-2025 dan bagi **tahun 2022-2023 milestone** yang ditetapkan adalah *Globally Marketable*. Justeru, bagi mencapai *milestone* ini UiTM telah menetapkan sejumlah **i-Score** kepada setiap PTJ, dimana **65 i-Score** telah ditetapkan kepada FPN. Bagi mencapai sasaran berkenaan, FPN telah merangka 27 projek termasuk 7 projek khusus untuk Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK). Projek yang dirancang memanfaatkan ekosistem mantap JIK di FPN untuk membangunkan kemahiran dan kepakaran warga FPN sebagai pemangkin (Catalyst), penggalak perkongsian berpacuan nilai (Enabler) dan hab rujukan kepakaran (enhancer) untuk para pemegang taruh khusus FPN dan UiTM amnya.

Setiap sasaran i-Score yang ditetapkan akan diteliti dan diberi perhatian sewajarnya dimana projek-projek bersesuaian akan dirancang agar sasaran dapat dicapai dan mampu dijalankan oleh warga fakulti. Projek-projek tersebut dirancang selari dengan pelan strategik di atas bertujuan memperkasa jaringan strategik industri dan alumni serta dapat menghasilkan graduan yang holistik dan berciri keusahawanan. Bagi tahun 2022, 7 projek JIK telah dirancang - **Dynamic Linkages, FACT Integrated Alumni Database, Impactful USR/KPT Program, Fact Young Entrepreneur, Fact Entrepreneur Educator Expert dan Fact IND-Zone Trading Hub**.

Pencapaian sasaran i-Score (termasuk i-Score berkaitan dengan JIK) dipantau dengan menilai pencapaian projek-projek secara berkala (bulanan, suku tahun dan setiap enam bulan), dimana pengurusan FPN akan mengenalpasti masalah dan merancang tindakan pembetulan. Proses pemantauan ini melalui pelaporan yang dinamakan sebagai **'FACT Scorecard'**. Projek-projek yang mencapai sasaran 25% bagi setiap suku tahun akan dikategorikan sebagai mencapai jangkaan dimana pada suku kedua contohnya, setiap projek seharusnya telah mencapai 50%. Manakala projek yang tidak mencapai sasaran dikategorikan sebagai 'projek untuk tindakan susulan' dimana proses intervensi dan penambahbaikan akan dilakukan. Bagi projek sedemikian, risiko pencapaian dikenalpasti dan dibentangkan di mesyuarat JPR dan MKSP. Ahli MKSP akan berbincang dan mencadangkan tindakan penambahbaikan yang kemudiannya dilaksanakan oleh jabatan/unit berkaitan. Hasil tindakan penambahbaikan akan dikaji semula pada mesyuarat seterusnya dan proses ini akan berulang sehingga akhir tahun.

Projek-projek PS ini diintegrasikan kepada warga fakulti melalui mesyuarat dan hebahan berterusan melalui medium digital. Ini memastikan mereka mendapat maklumat terkini dan peka akan halatuju fakulti untuk sama-sama berganding bahu mencapai sasaran yang ditetapkan. Beberapa inovasi telah diperkenalkan bagi mempertingkatkan kecekapan

pengurusan PS seperti pembentukan jawatankuasa pengurusan strategik, penggunaan FAC I ScoreCard, Kerangka Kerja Pemeriksaan JIK dan integrasi pengurusan risiko bagi setiap projek.

JIK merupakan antara **agenda utama** yang diberikan perhatian oleh FPN dalam merangka PS2022 kerana ia merupakan salah satu agenda penting bagi Pelan Strategik UiTM dan Negara.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PSFPN2022 adalah selaras dengan objektif UiTM untuk menghasilkan graduan seimbang berciri keusahawanan yang kompetitif di peringkat global dan memperkasakan jaringan strategik bersama alumni dan industri. Bagi setiap projek yang diluluskan setelah perancangan strategik, seorang pengurus projek akan dilantik untuk memastikan projek dan proses pelaporan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Bagi tahun 2022, projek-projek bagi memperkasakan JIK adalah seperti berikut:

Projek 1: *Dynamic Linkages*

Projek ini bertujuan untuk FPN memperkasa jaringan bersama pemain industri, institusi pengajian tinggi dan komuniti dari dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2022, FPN telah menandatangani 15 MoU/MoA (**Lampiran 2.2.1**) bersama industri dan universiti. Melaluinya, warga fakulti, terutama pensyarah dapat meningkatkan kepakaran di dalam bidang masing-masing.

Projek 2: **FACT Integrated Alumni Database**

Bertujuan menyediakan pangkalan data pemain industri dan Alumni yang komprehensif. Dengan adanya pangkalan data ini, FPN dapat mengenalpasti penceramah yang ideal bagi program yang dianjurkan bersesuaian dengan bidang kepakaran mereka.

Projek 3: **Impactful USR/KTP Program**

Dibawah projek ini, beberapa aktiviti pemindahan ilmu dan kemasyarakatan telah dijalankan. Selain dari memberi manfaat kepada peserta-peserta, projek ini bertujuan memupuk semangat *volunteerism* di kalangan warga fakulti. Sebagai contoh, program USR pengajaran subjek perakaunan di SMK sekitar Puncak Alam (**Lampiran 2.2.2**). Melalui program ini, pensyarah dan pelajar FPN telah mengadakan **36 sesi perkongsian ilmu** subjek perakaunan dengan murid-murid sekolah berkenaan. Selain itu, terdapat beberapa lagi program pemindahan ilmu telah dijalankan (**Lampiran 2.2.3**).

Projek 4: **Fact Young Entrepreneur**

Projek ini melibatkan pelajar FPN di semester 4 yang mengambil kursus ENT530 sebagai pendedahan awal tentang keusahawanan. Pelajar diterapkan dengan budaya keusahawanan yang memerlukan mereka mendaftar projek mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Mereka juga belajar menjalankan perniagaan secara praktikal melalui aktiviti keusahawanan yang dianjurkan di FPN seperti program Expo Aidilfitri (**Lampiran 2.2.4**).

Projek 5: **Fact Entrepreneur Educator Expert**

Melalui program ini, beberapa pensyarah telah dilantik sebagai mentor keusahawanan kepada pelajar FPN. Mereka yang dilantik perlu menyertai bengkel keusahawanan - **Minda, Jiwa & Hati Keusahawanan** yang diadakan pada 24-26 Ogos 2022, dimana pensyarah dibekalkan dengan ilmu keusahawanan sebagai persediaan menjadi mentor.

Projek 6: **Fact IND-Zone Trading Hub**

melalui projek ini, **FACT INP-ZONE** telah dijadikan *business incubator* sebagai pusat aktiviti-aktiviti keusahawanan. Beberapa siri ceramah keusahawanan juga telah dijalankan di sana. Contohnya, ceramah Lazada Seller Onboarding Program telah diadakan pada 14 April 2022 dimana seorang alumni telah dijemput sebagai penceramah.

Projek 7: Fact Care4 Communities

Melalui projek ini, pelajar diberi peluang untuk melakukan kerja kemasyarakatan dan dilatih dengan kesediaan membantu mereka yang memerlukan. Aktiviti yang dianjurkan seperti 'Markas Dapur Jalanan' dan 'Volunterism @ Zoo Negara' dan lain-lain aktiviti dapat membina jati diri warga FPN dan mengukuhkan jalinan bersama komuniti luar.

Lampiran 2.2.5 menyenaraikan projek-projek JIK di atas, dipadankan dengan i-Score berkaitan. Projek-projek JIK ini dilaksanakan oleh beberapa pasukan khas yang dilantik dan proses pemantauan pencapaian projek pula dilakukan secara berkala oleh pasukan berlainan. FPN sentiasa memastikan setiap projek JIK yang dijalan adalah relevan dan berimpak, selaras dengan konsep Stay Engage, Get Strategize, Be Impactful. Ini bagi memastikan FPN sentiasa menjadi **Catalyst, Enabler** dan **Enhancer JIK** di peringkat nasional dan global.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_P01_PB02_20231_Lampiran 2.2.1 Senarai MoA dan MoU.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB02_20232_Lampiran 2.2.2 Senarai SMK terlibat dalam Projek USR dan KTP.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB02_20233_Lampiran 2.2.3 Senarai Projek KTP \(2022\).pdf](#)
4. [F0014_P01_PB02_20234_Lampiran 2.2.4 Mini Expo Aidilfitri.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB02_20235_Lampiran 2.2.5 Senarai Projek JIK dan i-Score.pdf](#)
6. [F0014_P01_PB02_20232_Lampiran 2.2.2 Senarai SMK terlibat dalam Projek USR dan KTP.pdf](#)
7. [F0014_P01_PB02_20233_Lampiran 2.2.3 Senarai Projek KTP \(2022\).pdf](#)
8. [F0014_P01_PB02_20234_Lampiran 2.2.4 Mini Expo Aidilfitri.pdf](#)
9. [F0014_P01_PB02_20235_Lampiran 2.2.5 Senarai Projek JIK dan i-Score.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pembentukan PSFPN2022 telah dilakukan dengan teliti agar kolaborasi strategik yang dirancang menjadi pemangkin kepada perkongsian yang mencipta nilai dan melahirkan warga FPN sebagai pakar rujuk. Pendekatan PSFPN2022 termasuk **PSJIK** adalah berlandaskan Pelan Strategik berikut:

- a. **Teras Strategik Tiga RMK-11** untuk meningkatkan Pembangunan Modal Insan dengan matlamat untuk melahirkan graduan bertaraf global yang holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang dari segi rohani dan jasmani.
- b. **PPMPT 2013 – 2025** yang bermatlamat meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global melalui penyampaian pendidikan dan penyelidikan yang berkualiti.
- c. **Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)** untuk menjadikan pendidikan sebagai usaha kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis.
- d. **Pelan Strategik UiTM 2025** untuk menjadikan UiTM sebagai Universiti Tersohor Dunia 2025. Melaluinya JIK diperkasakan dengan meletakkan bidang ini dibawah Tema Strategik 2 dan Tema Strategik 5.
- e. **Pelan Strategik FPN 2020-2025** telah dirangka seiring dengan matlamat Pelan Strategik UiTM.

Lampiran 2.3.1 adalah **pensejajaran** PSFPN2022 dengan Pelan Strategik Negara, UiTM dan FPN.

Bagi mencapai matlamat strategik ini, UiTM mensasarkan *milestone* setiap tahun dan bagi **tahun 2022-2023**, adalah **Globally Marketable**. Jesteru, UiTM menerusi Bahagian Transformasi Universiti (BTU) menetapkan sejumlah petunjuk prestasi (**i-Score**) kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk FPN. Bagi tahun 2022, sejumlah **65 i-Score** telah dipertanggungjawabkan kepada FPN.

FPN mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Perancangan Strategik dan Prestasi (JPPSP) (**Lampiran 2.3.2**) bagi mengurus dan memantau pencapaian i-Score yang ditetapkan. Setelah penelitian JPPSP, 65 i-Score tersebut diperturunkan kepada jabatan berkaitan dimana i-Score JIK diletak dibawah tanggungjawab TDRICAEN dan TDHEP. Diperingkat jabatan, jawatankuasa kecil dibentuk untuk merancang projek dan aktiviti bagi mencapai i-Score berkaitan.

Beberapa siri bengkel PS telah diadakan dimana pandangan warga fakulti dan panel industri

menyediakan bagi membolehkan beberapa strategi yang membolehkan nilai dapat dilaksanakan. Bengkel pertama (Disember 2021) diadakan untuk memberi taklimat proses dan fokus utama PS2022 (**Lampiran 2.3.3**). Akhirnya, **27** projek PS2022 telah diluluskan, termasuk **7 projek** khusus bagi **JIK** (**Lampiran 2.3.4**). Contohnya, projek **Impactful USR/KTP Program** oleh RICAEN telah merangka beberapa aktiviti JIK untuk mencapai i-Score 75 dan 76. *Person-in-charge* bagi setiap aktiviti juga telah dikenalpasti bagi melancarkan pelaksanaan projek (**Lampiran 2.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB03_20231_Lampiran 2.3.1 Pensajajaran PSFPN2022.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB03_20232_Lampiran 2.3.2 JK Penasihat PS dan Prestasi.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB03_20233_Lampiran 2.3.3 Briefing bengkel SAP2022.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB03_20234_Lampiran 2.3.4 Projek-projek JIK.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB03_20235_Lampiran 2.3.5 Example PS under RICAEN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian PS dilakukan secara konsisten agar projek-projek yang dirancang dapat dijalankan dengan jayanya. Ia dilakukan setiap suku tahun oleh Jawatankuasa PS. Jika terdapat pencapaian yang tidak mencapai sasaran suku tahun, Jawatankuasa PS mengenal pasti masalah dan meluluskan cadangan tindakan intervensi yang akan dijalankan oleh jabatan terlibat. Pencapaian tindakan intervensi akan dibentangkan pada mesyuarat seterusnya. Hasilnya, FPN berjaya mendapat tempat pertama dengan 6-STAR secara keseluruhan dengan pencapaian I-Score UiTM 99% dalam tahun 2022 (**Lampiran 2.4.1(a)**).

Proses pemantauan PS dilakukan melalui medium berikut:

- a. Pihak pengurusan FPN mengenalpasti jawatankuasa-jawatankuasa bersesuaian untuk memantau pencapaian PS. Ia dibentuk berlandaskan *Strategic Trust* yang telah ditetapkan oleh UiTM. Pengarah dan pengurus projek yang dilantik akan mengawalselia pencapaian projek yang dijalankan oleh pasukan khas yang telah diberikan tanggungjawab. **Lampiran 2.4.1(b)** adalah senarai 27 projek PSFPN2022 (termasuk 7 projek JIK) yang telah didaftarkan ke sistem SAP UePMO untuk pemantauan.
- b. Pemantauan oleh **Jawatankuasa Pengurusan PS** dijalankan melalui **pelaporan status** pencapaian projek setiap suku tahun. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti pelan tindakan untuk mencapai sasaran strategik FPN. Manakala, pemantauan khusus dilaksanakan melalui "*FACT Strategy Scorecard*" (**Lampiran 2.4.1(c)**) setiap bulan dengan melihat kepada varians pencapaian bagi setiap i-Score yang disasarkan. Bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan proses pemantauan, ia dilakukan secara **Management by Exception** dengan memberi fokus kepada perbezaan diantara sasaran dan pencapaian yang ketara (warna merah) untuk tindakan intervensi
- c. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (**MKSP**) pula diadakan dua kali setahun bagi memastikan inisiatif fakulti berkesan dan sejajar dengan hala tuju strategik FPN. MKSP juga mengkaji semula objektif kualiti FPN dan memantau pencapaian projek i-Score dan MyRA. Melalui MKSP, setiap projek dipadankan dengan indikator prestasi, penetapan garis masa pencapaian, mengenalpasti tahap risiko dan jika perlu, pelan mitigasi (**Lampiran 2.4.1(d)**).
- d. Pemantauan projek PS juga dilakukan diperingkat jabatan yang berkaitan dimana projek-projek JIK akan dipantau oleh **RICAN**. Contohnya, projek '**Impactful USR/KTP**' telah dipantau secara berterusan melalui mesyuarat berkala jabatan dan komunikasi menerusi Whatsapp (**Lampiran 2.4.1(e)**) agar status pencapaian terkini dapat diketahui dan tindakan pembaikan dapat segera dilakukan tanpa menunggu pemantauan diperingkat fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_P01_PB04_PC01_20231_Lampiran 2.4.1\(a\) - Poster I-Score Dis2022.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB04_PC01_20232_Lampiran 2.4.1\(b\) - Pendaftaran Projek PS 2022.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB04_PC01_20233_Lampiran 2.4.1\(c\) - FACT Strategy Scoreboard.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB04_PC01_20234_Lampiran 2.4.1\(d\) - FACT MKSP.pdf](#)

5. [F0014_P01_PB04_PC01_20235_Lampiran 2.4.1\(e\) Pemantauan Projek JIK \(RICAEN\).pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPN menitikberatkan **pengurusan risiko PS** bagi memastikan i-Score yang disasarkan dan Objektif Kualiti Fakulti dapat dicapai. Risiko pelaksanaan strategi JIK dikategorikan kepada **risiko operasi** (pengurusan projek dan inisiatif strategik yang tidak dapat dijalankan dengan lancar), **risiko tadbir urus** (perancangan dan pemantauan projek, dan inisiatif strategik yang tidak dapat dijalankan dengan berkesan) serta **risiko reputasi** (risiko pelucutan pengiktirafan badan professional). Kategori risiko berkenaan adalah berdasarkan glosari risiko UiTM2025. FPN mengenalpasti dan mengemaskini risiko setiap projek semasa mesyuarat pengurusan risiko (setiap suku tahun). Risiko-risiko ini akan dikategori mengikut jenis risiko, perihalan risiko, kemungkinan impak, tahap risiko dan memutuskan pelan mitigasi bagi risiko-risiko berkenaan ([Lampiran 2.4.2 \(a\)](#)).

Kaedah pengurusan risiko:

- a. Melantik **pemilik risiko** bagi 6 elemen utama (**Manusia, Reputasi, Kewangan, Operasi, Objektif dan Kebarangkalian Risiko Terjadi**). Mereka bertanggungjawab mengenalpasti risiko yang akan memberi impak kepada operasi dan inisiatif strategik FPN.
- b. Menilai kebarangkalian berlakunya risiko dan **impak risiko** tersebut kepada inisiatif strategik. Tahap risiko ini dikategorikan kepada **Rendah, Sederhana, Tinggi dan Ekstrem**.
- c. **Merancang kawalan risiko dan tindakan pencegahan** berdasarkan tahap risiko. Setiap risiko mempunyai tahap risiko yang berbeza mengikut kebarangkalian berlaku dimana risiko tahap “**ekstrem**” akan diberikan tumpuan untuk tindakan mitigasi ([Lampiran 2.4.2\(b\)](#)).
- d. **Risiko yang dikenalpasti dibentangkan** di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) untuk disahkan dan didaftarkan dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM melalui Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) oleh Penyelaras Risiko FPN dan diikuti dengan pembentangan di MKSP ([Lampiran 2.4.2\(c\)](#)).
- e. **Mesyuarat JPR** diadakan setiap tiga kali setahun untuk berbincang mengenai status risiko pelaksanaan projek PS. Bagi tujuan mesyuarat ini, penyelaras risiko akan memastikan setiap pemilik risiko mengisi templat pelaporan risiko untuk melaporkan status risiko setiap projek ([Lampiran 2.4.2\(d\)](#)). Ia akan direkod sebagai “Selesai” atau “Dalam Tindakan” dan bagi risiko yang berstatus “Dalam Tindakan”, punca akan dikenalpasti dan tindakan penambahbaikan akan dicadangkan.
- f. Status risiko diatas juga akan dibentangkan oleh **Pengurus Risiko** semasa mesyuarat jawatankuasa PS pada setiap suku tahun. Pelan mitigasi dan tindakan intervensi dicadangkan yang kemudiannya akan dilaksanakan oleh pasukan pelaksana ([Lampiran 2.4.2 \(e\)](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB04_PC02_20231_Lampiran 2.4.2\(a\) - Risiko Mengikut Projek.pdf](#)

2. [F0014_P01_PB04_PC02_20232_Lampiran 2.4.2\(b\) - MKSP-Status Perubahan Risiko FACT 2022.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB04_PC02_20233_Lampiran 2.4.2\(c\) - MKSP-eRMS FACT JAN-DEC2022.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB04_PC02_20234_Lampiran 2.4.2\(d\) - MKSP-FACT RICAEN-Template Daftar Risiko 2022 \(FINAL\) 23112022.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB04_PC02_20235_Lampiran 2.4.2\(e\) - Risiko Template untuk USR KTP Program.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPN sentiasa mengambil inisiatif untuk **mengkaji semula dan melakukan penambahbaikan** bagi pencapaian PS.

Pengurus projek dilantik untuk bertanggungjawab menyelia pelaksanaan projek dibawah seliaan masing-masing. Mereka juga mengetuai proses pelaporan pelaksanaan setiap projek yang dilakukan secara berkala dengan mengisi templat yang dibekalkan oleh fakulti.

Diperingkat fakulti, pemantauan akan dijalankan setiap suku tahun dimana setiap projek disasarkan akan meningkat 25%. Peratusan kemajuan dipantau melalui **model traffic light dengan menggunakan warna (merah: 0%-49%, kuning: 50%-99% dan hijau: 100%)**. Jika masih rendah, fokus diberikan di mana tindakan drastik diambil dengan mengenalpasti masalah dan mencadangkan penambahbaikan. Ia direkodkan dengan menggunakan templat khusus untuk dihebahkan kepada pasukan pelaksana.

Pasukan pelaksana pula akan mengadakan mesyuarat khusus bagi membincangkan tindakan penambahbaikan. Contohnya, **FACT Entrepreneur Educator Expert (Lampiran 2.4.3 (a))** adalah projek JIK untuk mencapai i-Score (PI024) yang mensasarkan 15 pensyarah yang mempunyai kepakaran keusahawanan mesti dilantik menjadi mentor kepada pelajar. Pada suku kedua, projek ini belum mencapai 50%. Penambahbaikan diambil dengan memohon bajet khusus dari UCS bagi menghantar pensyarah terpilih ke bengkel keusahawanan pada 24-26 Ogos 2022. Hasilnya, pelaporan pada suku ketiga, projek ini telah mencapai 100%.

Penambahbaikan juga ditumpukan kepada **kaedah pelaporan** agar laporan yang disediakan membantu pengurusan FPN memantau projek-projek yang belum mencapai sasaran dengan lebih jelas. Contohnya, laporan projek JIK dibawah seliaan ICAN (**Lampiran 2.4.3(b)**) menunjukkan terdapat 9 i-Score (warna merah) yang belum mencapai sasaran sehingga Mac 2022. Maka, penambahbaikan dilakukan semasa tempoh April – Jun. Hasilnya, laporan sehingga Jun 2022 menunjukkan hanya 6 i-Score yang masih belum mencapai sasaran. Begitu juga dengan sasaran MOU/MOA (PI81, 82 & 83) (**Lampiran 2.4.3(c)**). Penambahbaikan telah dilakukan dengan mengenalpasti penambahbaikan dan individu yang bertanggungjawab membawa MOU/MOA baharu bagi memenuhi sasaran i-Score berkaitan.

Selain mencapai sasaran i-Score, penambahbaikan JIK juga dilakukan dengan meningkatkan impak setiap projek. Contohnya, projek *Impactful USR/KTP* dimana dibawahnya terdapat beberapa aktiviti berimpak seperti bengkel keusahawanan i-Asnaf ACT (**Lampiran 2.4.3(d)**) yang memberi pendedahan kepada para usahawan asnaf berkenaan ilmu perakaunan dan percukaian. Projek ini telah memenangi beberapa anugerah diperingkat UiTM.

Kejayaan tindakan penambahbaikan ini pula dimaklumkan kepada warga fakulti dari masa ke semasa melalui pelbagai medium seperti emel, Whatsapp dan mesyuarat staf (**Lampiran 2.4.3(e)**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB04_PC03_20231_Lampiran 2.4.3\(a\) - FACT Entrepreneur Expert SAP](#)

[.template.pdf](#)

2. [F0014_P01_PB04_PC03_20232_Lampiran 2.4.3\(b\) - Pencapaian ICAN Suku Ke-dua 2022.pdf](#)

3. [F0014_P01_PB04_PC03_20233_Lampiran 2.4.3\(c\) - 'Pemantauan' Excel Jabatan RICAEN.pdf](#)

4. [F0014_P01_PB04_PC03_20234_Lampiran 2.4.3\(d\) - I-Asnaf ACT.pdf](#)

5. [F0014_P01_PB04_PC03_20235_Lampiran 2.4.3\(e\) - Minit Mesyuarat MKSP.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPN sentiasa memastikan proses **integrasi** PS JIK dilakukan secara efektif agar warga fakulti mendapat maklumat yang komprehensif agar mereka dapat sama-sama menyumbang kearah pencapaian sasaran PS. Antara kaedah integrasi PS JIK yang dilaksanakan adalah:

a. Hebahan melalui perjumpaan fizikal

Hebahan secara berterusan dan **berkala melalui mesyuarat akademik (Lampiran 2.5.1)** dan **perjumpaan dekan dengan pensyarah mengikut gred jawatan** serta **lawatan ke kampus cawangan (Lampiran 2.5.2)** telah dijalankan supaya warga FPN sentiasa prihatin dan cakna dengan sasaran dan pencapaian PS FPN.

b. Hebahan melalui medium digital

Hebahan secara digital seperti melalui **email dan media sosial (Lampiran 2.5.3)**, dan **penerbitan ebook PS FPN** untuk tempoh 2020-2025 agar warga fakulti sentiasa peka terhadap sasaran dan pencapaian PS.

Tumpuan kepada **inovasi** PS juga dititikberatkan agar keberkesanan PS dapat ditingkatkan. Beberapa inovasi PS JIK telah dilakukan bagi memastikan pengurusan JIK dijalankan dengan berkesan:

a. Pembentukan **jawatankuasa Pengurusan Strategik** yang diketuai oleh Pengurus PS. Jawatankuasa ini bertujuan memantau perjalanan projek-projek PS.

b. Penggunaan **FACT ScoreCard** untuk pelaporan pencapaian dengan model *traffic light* yang menggambarkan status pencapaian projek PS, terutamanya bagi yang berwarna merah (memerlukan tindakan intervensi). Selain itu, sistem Power BI digunakan untuk mendapatkan rumusan pelaporan keseluruhan PS termasuk PSJIK.

c. Satu **kerangka kerja pemerksaan** jaringan industri dan alumni telah dibentuk, selaras dengan konsep **Attach & Engage**. Contohnya, FPN telah menganjurkan Hari Bersama Industri dan Alumni (HBIA) (**Lampiran 2.4.5**) dimana seramai 22 alumni dilantik menjadi *alumni ambassadors* yang pastinya akan meningkatkan semangat kekitaan (*belonging*) dikalangan mereka. Selain itu, **FACT Inde-Zone** dijadikan pusat aktiviti keusahawanan (**business incubator**) bagi memartabatkan budaya keusahawanan dikalangan warga fakulti.

d. Pengurusan PSFPN telah diperkemaskan dengan **mengintegrasikan pengurusan risiko (Lampiran 2.5.5)** bagi setiap projek PS termasuk PSJIK. Ia bertujuan mengenalpasti projek-projek yang berisiko untuk diberikan tumpuan yang sewajarnya agar kesemua projek dapat dijalankan dengan jayanya.

Integrasi dan inovasi PS ini telah digerakkan secara bersama oleh semua jabatan - HEA, HEP, RICEAN dan Pentadbiran bagi mencapai objektif PSFPN2022 dalam memperkasakan jaringan industri dan menyemarakkan budaya keusahawanan di kalangan warga fakulti dan seterusnya

menjadikan IIRN sebagai **Catalyst, Enabler** dan **Enabler** yang menjadi rujukan dan ukuran oleh pelbagai pihak.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB05_20231_Lampiran 2.5.1 Hebahan melalui mesyuarat.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB05_20232_Lampiran 2.5.2 Lawatan ke kampus cawangan.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB05_20233_Lampiran 2.5.3 Hebahan melalui media sosial.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB05_20234_Lampiran 2.5.4 Hari Bersama Industri Alumni.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB05_20235_Lampiran 2.5.5 Integrasi Pengurusan Risiko ke PS.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPN menyedari pelanggan bagi tumpuan terhadap **jaringan industri dan keusahawanan (JIK)** amat penting di dalam pencapaian teras strategik *Globally Renowned Faculty that Produces Global Accountants Who Are Value Creators*. Pemindahan pengetahuan antara pelanggan utama seperti akademia, industri dan alumni adalah pemacu penting dalam melahirkan graduan profesional Bumiputera yang berkualiti.

Interaksi dengan industri boleh memberi inspirasi kepada pembangunan pelajar, penyelidikan baharu dan juga menyediakan pembiayaan dana tambahan. Sehubungan dengan itu, FPN menggunakan pelbagai kaedah untuk menentukan keperluan pelanggan di samping sentiasa memastikan keberkesanan penglibatan pelanggan secara menyeluruh di dalam menjayakan setiap aktiviti yang dianjurkan di peringkat dalaman dan juga luaran. Penglibatan setiap pelanggan luaran dalam menjayakan setiap inisiatif PSFPN2020-2025 di dalam PPS amat penting di dalam meningkatkan latihan kepakaran warga FPN dan pengajaran impak daripada kolaborasi bersama rakan industri dan alumni untuk aktiviti penyelidikan, perundingan dan keusahawanan. Hubungan yang baik serta penglibatan aktif kumpulan sasaran khususnya pelanggan luaran menerusi kerjasama dan pelbagai aktiviti di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa telah memberikan banyak manfaat kepada FPN.

FPN mengambilkira maklumbalas pelanggan dalam memastikan kepuasan pelanggan dapat direalisasikan. Justeru itu, penglibatan pelanggan didalam proses pemantauan turut diberi keutamaan. FPN amat mengalu-alukan maklumbalas daripada pihak pelanggan untuk membolehkan proses penambahbaikan dapat dilaksanakan. Maklumbalas yang diterima dari pelanggan adalah input utama dan dijadikan kayu pengukur untuk proses penambahbaikan di masa hadapan. FPN menggunakan pelbagai saluran bagi mencapai dan mendapatkan maklumbalas pelanggan. Setiap maklumbalas yang diterima diteliti, dianalisa, dibincangkan di dalam mesyuarat Bersama Pengurusan Kanan bagi menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambah baik proses pelaksanaan jaringan industri dan keusahawanan di FPN. Sebarang risiko yang boleh menjejaskan penglibatan pelanggan di dalam pelaksanaan PPS diambil kira dan perancangan bagi mengurangkan risiko atau terus mengatasi risiko yang dikenalpasti dari berulang. Perancangan yang baik merangkumi proses pemantauan berkesan dalam mengenalpasti keperluan penglibatan dan kepuasan pelanggan dapat direalisasikan. Menerusi usaha pemantauan bersasar dari semasa ke semasa, pencapaian sasaran OS dan KPI FPN dapat dicapai.

Menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di bawah inisiatif PSFPN2022-2025 dalam meningkatkan kepakaran staf dalam pengajaran, pengurusan akademik, penyelidikan dan inovasi serta berkelayakan tinggi dan kompetensi, FPN memastikan penglibatan setiap kumpulan sasaran di dalam PPS dan memastikan manfaat yang disasarkan untuk semua pelanggan bidang tumpuan dapat dicapai. Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan menghasilkan komitmen yang tinggi di kalangan pelanggan tumpuan dalam melaksanakan PSFPN2020-2025. Penambahbaikan ini juga turut memberi impak positif di dalam operasi FPN seterusnya memastikan kepuasan hati pelanggan untuk aktiviti berkaitan dapat dicapai. Ini dibuktikan melalui pencapaian cemerlang KPI BTU.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penglibatan pelanggan amat penting dalam aspek penyaluran idea dan kepakaran (**Catalyst**) dan dapat memberi impak positif dan manfaat kepada FPN dan juga pelanggan yang terlibat (**Enabler**). Penglibatan menyeluruh pelanggan turut meningkatkan kepakaran, peluang penyelidikan serta menyumbang kepada pembangunan akademik dan pelajar (**Enhancer**). FPN telah mengenalpasti pelanggan yang terlibat secara langsung menerusi pencapaian objektif 7 projek JIK yang dirancang - **Dynamic Linkages, FACT Integrated Alumni Database, Impactful USR/KPT Program, Fact Young Entrepreneur, Fact Entrepreneur Educator Expert dan Fact IND-Zone Trading Hub**.

Pelanggan dikategorikan sebagai **pelanggan dalaman yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah; dan pelanggan luaran terdiri daripada badan agensi kerajaan, industri, alumni, universiti luar serta komuniti**. Pelanggan ini dikenalpasti berdasarkan kepada keterlibatan mereka yang akan menyumbang kepada pembangunan akademik, pembangunan pelajar, pembangunan komuniti dan masyarakat serta penjana pendapatan (Bukti 1).

Pelanggan yang dikenalpasti dapat menyumbang kepada penyediaan modul, perkongsian kepakaran, penyelidikan dan penajaan menerusi **Strategic Partnership Collaboration** dengan berbagai agensi kerajaan seperti **Institut Perakaunan Negara, MAIS/MAIP, Lembaga Zakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Yayasan Bank Rakyat**. FPN turut memberi keutamaan dalam menjaga hubungan baik dengan menawarkan perkongsian kepakaran dan kerjasama serta melalui sesi lawatan kerja ke agensi kerajaan yang terlibat.

Alumni dikenalpasti melalui **prominent alumni FPN** terdiri dari pelbagai latar belakang akademik, peringkat umur dan perkhidmatan sektor. Menerusi inisiatif '**Empowering Alumni**', FPN telah mengenalpasti '**Alumni Ambassadors**' berdasarkan kepakaran yang boleh disumbangkan kepada warga FPN melalui penganjuran program perkongsian.

FPN turut memantapkan hubungan dengan pihak industri dengan memperkasa program jaringan industri sedia ada serta memperkembangkan jaringan dengan **Yayasan Terengganu, Chartered Global Management Accountant, Audit Technology Sdn Bhd** dan beberapa universiti di **United Kingdom (4), Sepanyol (1), Indonesia (3), Afrika Selatan (1), Filipina (1) dan Itali (3)** berdasarkan keperluan dan peluang. Bagi memantapkan lagi jaringan industri FPN telah meletakkan keperluan mengadakan jaringan industri sebagai salah satu KPI untuk **Research Champion** dan **Research Track**. Kejayaan jaringan industri direalisasikan melalui acara kemuncak **Hari Bersama Industri** di mana **22** industri dan agensi kerajaan yang terlibat bersama FPN dijemput untuk majlis menandatangani dan serahan MOU (Bukti 2).

Komuniti yang dikenalpasti merangkumi komuniti setempat, sekolah, badan bukan kerajaan dan lain-lain. FPN telah menetapkan setiap **Talent Cluster** perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu projek komuniti dalam setahun dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat sebagai usaha untuk keterlihatan FPN lebih ketara dan relevan di kalangan pelanggan FPN. Program '**FACT Care for Communities**' t diperkenalkan agar FPN dapat menyumbang melalui perkongsian ilmu kepada komuniti. FPN telah bekerjasama dengan **Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor** bagi program '**University Social Responsibility**' (USR) melibatkan **sekolah menengah di Puncak Alam (2) dan di Saujana Utama (1)**. Melalui program USR ini, warga FPN dapat melibatkan diri dengan komuniti setempat serta menyumbang kepakaran kepada pelajar dan guru di sekolah yang terpilih. Program sukarela bersama **komuniti orang asli di Kampung Orang Asli Bukit Tadam** telah dianjurkan dengan memberi pendedahan ilmu asas kewangan kepada komuniti orang asli (Bukti 3). Pihak pengurusan RICAEN sangat komited di dalam merancang serta melaksanakan aktiviti yang dapat membina hubungan dinamik dengan komuniti serta memperkenalkan UiTM dan FPN khususnya.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_T01_TB02_20231_Bukti 1 - 3.2.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB02_20232_Bukti 2 - 3.2.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB02_20233_Bukti 3 - 3.2.pdf](#)
- 4.
- 5.
6. [F0014_T01_TB02_20231_Bukti 1 - 3.2.pdf](#)
7. [F0014_T01_TB02_20232_Bukti 2 - 3.2.pdf](#)
8. [F0014_T01_TB02_20233_Bukti 3 - 3.2.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPN memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Bagi pelanggan dalaman iaitu pelajar, data peribadi pelajar disimpan di laman SIMS, dan data penglibatan aktiviti pelajar disimpan di pangkalan data BHEP. Pelbagai kaedah digunakan bagi pengumpulan data berkaitan pelajar yang merangkumi taklimat pelajar seperti Amanat Naib Canselor, Taklimat Timbalan Naib Canselor (HEP), pencapaian akademik pelajar, perbincangan bersama persatuan pelajar, sesi dialog bersama pelajar, sesi dialog bersama pensyarah dan industri serta maklum balas aktiviti pelajar. Data peribadi pensyarah pula disimpan di dalam fail peribadi di pangkalan data BHEA dan pangkalan data RICAEN. Pengumpulan data dilakukan berterusan melalui minit-minit mesyuarat akademik, sesi perkongsian maklumat, latihan dan program yang disertai serta aduan yang dikemukakan.

Data aktiviti penglibatan pelanggan luaran bersama FPN disimpan di pangkalan data RICAEN (Bukti 1). Data berkenaan industri dikumpul melalui rekod-rekod sesi dialog bersama industri, lawatan industri dan '*industrial talk*' secara berkala. Pensyarah yang dilantik sebagai *Research Champion* dan pensyarah lain memainkan peranan utama dalam menjalin hubungan rapat dengan pihak industri melalui jaringan kolaborasi. Data berkaitan disimpan merangkumi salinan surat jemputan, maklumat pegawai untuk dihubungi, maklumbalas program serta laporan aktiviti. Penambahbaikan berterusan diambil untuk membangunkan dan mengemaskini pangkalan data alumni FPN dengan kerjasama warga FPN, warga kampus dan persatuan alumni Fakulti Perakaunan (UiTM Accounting Association (UAA)). Dengan ini, Pihak RICAEN memperkukuhkan *database* alumni dengan memastikan data yang dikumpul adalah yang terkini. Melalui *Integrated Alumni Database* (Bukti 1), maklumat profil ahli alumni dikemas kini bagi memastikan keberkesanan komunikasi di masa hadapan.

Penglibatan pelanggan penting dalam menjayakan perancangan strategik FPN 2020-2025 terutamanya bagi melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing. Pihak pengurusan FPN memperkenalkan pelbagai inisiatif melibatkan pelanggan bagi mencapai objektif yang dirancang. FPN menggalakkan penglibatan penuh pelanggan dalaman untuk semua aktiviti yang di peringkat FPN dan universiti, juga global. FPN merancang rapu bagi membina *networking* dengan universiti luar melalui jaringan staf FPN dan berjaya menandatangani MOU dengan beberapa universiti luar untuk berkongsi kepakaran melibatkan pelajar dan pensyarah. Pelbagai program kerjasama terjalin seperti pembelajaran SULAM yang melibatkan lawatan pelajar ke universiti luar, webinar yang melibatkan penceramah jemputan dari kedua pihak serta perkongsian dana untuk penyelidikan dan penerbitan bersama (Bukti 2).

Penglibatan pelanggan luar juga dirancang bagi membina hubungan rapat dan dinamik agar warga FPN dan pelanggan memperoleh manfaat bersama. Pihak industri dan alumni dijemput sebagai panel dalam pembangunan kurikulum bagi memberi input dan maklum balas dalam memastikan program ditawarkan bersesuaian dan memenuhi kehendak dan keperluan pasaran semasa, mengenal pasti potensi perubahan dan merangka perubahan kepada kurikulum sedia ada jika berkeperluan. FPN juga bekerjasama dengan badan profesional sebagai badan pengiktiraf dan '*exam review board*' bagi meningkatkan bilangan graduan berkelayakan profesional yang global serta meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

Alumni juga dijemput sebagai penceramah utama di konferen antarabangsa yang dianjurkan FPN, '*coffee talk*' bersama pelajar dan pensyarah, serta seminar perkongsian pengalaman dalam kerjaya dan *collaborative teaching* bersama industri (Bukti 3). Badan profesional juga dijemput untuk sesi perkongsian bersama pelajar dan pensyarah dalam usaha untuk meningkatkan keahlian badan profesional, sekaligus memperkembangkan skil dan kompetensi pensyarah dalam pemantapan khidmat yang diberi kepada para pelanggan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB03_20231_Bukti 1 - 3.3.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB03_20232_Bukti 2 - 3.3.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB03_20233_Bukti 3 - 3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Peningkatan kepakaran yang terhasil dari *Strategic Partnership Collaboration* telah membuka peluang mendapatkan geran, pengkomersialan produk, perkongsian ilmu melalui jalinan kolaborasi, perlantikan sebagai *deliver expert reference (enhancer)* di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa. *Strategic Partnership Collaboration* ini memberi manfaat yang besar kepada staf dalam memenuhi KPI dan membina kerjaya di UiTM serta meningkatkan skill dan kompetensi.

Antara ganjaran yang diperolehi FPN dan pelanggan yang terlibat adalah seperti berikut:

- ? Pelajar –meningkatkan *interpersonal skill*, memberikan pendedahan dan kesedaran terhadap pelbagai aktiviti kesukarelawan dalam komuniti.
- ? Pensyarah –meningkatkan *skill and competency*, kepakaran dalam bidang penyelidikan, meningkatkan reputasi serta dapat memenuhi KPI yang telah ditetapkan.
- ? Industri –memperolehi *access* kepada *potential employee*, meningkatkan kelayakan akademik dan pembangunan kerjaya staf.
- ? Alumni –memupuk dan membina semangat sukarelawan untuk menyumbang semula kepada masyarakat.
- ? Agensi Kerajaan –mengembangkan bakat sumber manusia.
- ? Komuniti –meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang isu semasa dan taraf hidup golongan asnaf.

Pelaksanaan aktiviti JIK seperti *FACT Young Entrepreneur* dan *FACT Entrepreneur Educator Expert* (Bukti 1) memberi gambaran yang jelas tentang kerjaya dan dunia perniagaan sebenar dengan lebih efektif. Aktiviti ini juga memberikan cetusan idea dan inspirasi peluang perniagaan digital kepada warga FPN seterusnya **membudayakan keusahawanan** dalam persekitaran universiti. Keterlibatan FPN dalam aktiviti jaringan industri dan komuniti turut **menghasilkan pelajar yang dinamik, dan bersifat *Industry Ready*** serta berkebolehpasaran tinggi. Di samping itu, komuniti turut memperolehi manfaat menerusi berbagai program yang dilaksanakan untuk pelajar sekolah dan *SME* (Bukti 2).

FPN mewujudkan mekanisme pengumpulan data berkala dan sistematik. Pangkalan data alumni dikemaskini secara berterusan dan boleh diakses bila-bila masa diperlukan. Data juga akan dianalisa bagi mengenalpasti alumni yang *prominent* dan memberi implikasi berimpak tinggi bagi setiap *engagement* aktiviti yang dijalankan.

FPN menggunakan *template* pelaporan untuk setiap aktiviti yang dirancang sebagai instrumen pemantauan (Bukti 3). Pelaporan ini akan dibentangkan di mesyuarat yang diadakan secara berkala untuk memastikan pencapaian KPI BTU Universiti dan SAP FPN dicapai. Di samping itu, perjumpaan serta perbincangan dua hala di antara pihak FPN dan badan professional dan industri diadakan mengikut keperluan dan kesesuaian bagi tujuan pemantauan program. Hasil pemantauan terhadap kebaikan yang diperolehi oleh pelanggan dibentangkan didalam mesyuarat MKSP.

SENARAI BUKTI.

1. [F0014_T01_TB04_TC01_20231_Bukti 1 - 3.4.1.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB04_TC01_20232_Bukti 2 - 3.4.1.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB04_TC01_20233_Bukti 3 - 3.4.1 .pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPN sentiasa peka mengenalpasti cabaran dan risiko yang mungkin akan dihadapi dalam pemerkasaan dan merealisasikan keberkesanan penglibatan pelanggan di dalam aktiviti JIK Lima risiko telah dikenalpasti boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklumbalas pelanggan **iaitu risiko berkaitan dana, data, penglibatan alumni, kekurangan inisiatif dan penglibatan pelajar**. Risiko yang dikenalpasti berlaku berpunca daripada (Bukti 1):

1. Kekurangan penawaran dana industri dan penawaran dana yang sedia ada lebih tertumpu kepada bidang sains dan teknologi (Risiko Strategik, Risiko Tahap sederhana) (Risiko strategik, tahap sederhana).
2. Pengumpulan data alumni yang menjalankan aktiviti perniagaan sukar diperolehi disebabkan isu *personal data protection act* (PDPA) (Risiko Strategik, Tahap sederhana) (Risiko strategik, tahap sederhana).
3. Persatuan alumni fakulti perakaunan (UAA) masih belum aktif sepenuhnya (Risiko strategik, tahap sederhana).
4. Kekurangan inisiatif dari pensyarah untuk mengadakan usahasama dengan universiti luar dan industri (Risiko strategik, tahap tinggi).
5. Pelajar yang mempunyai pengalaman perniagaan atau masalah kewangan sahaja yang berminat menyertai Program Keusahawanan (Risiko strategik, tahap sederhana).

Kekurangan penawaran dana oleh pihak luar menjejaskan usaha untuk *facilitate value-driven partnership* untuk aktiviti penyelidikan, penerbitan dan *consultancy* bagi mendedahkan warga FPN kepada pengetahuan dan kepakaran terkini di industri. Seterusnya, impak risiko yang dikenalpasti ialah kekurangan penglibatan warga FPN terutamanya pelajar yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Dengan itu, pihak FPN merancang pelan tindakan bagi mengawal risiko yang dikenalpasti. Antara langkah yang telah diambil bagi mengawal risiko di atas:

1. Meningkatkan usaha mendapatkan dana padanan melalui rakan strategik industri dan antarabangsa.
2. Menjalankan *tracer study* untuk mendapatkan maklumat lengkap data alumni.
3. Mengaktifkan Persatuan Alumni Fakulti Perakaunan (UAA) dan melantik penyelaras alumni bagi membantu merancang dan menjalankan aktiviti bersama alumni.
4. Menggunakan platform *Research Cluster* bagi menggerakkan jalinan kolaborasi untuk tujuan *MOU* dan *MOA*.
5. Menjemput syarikat yang dimiliki oleh alumni untuk berkongsi pengalaman melalui "*sharing session*" kepada pelajar.

Bagi tujuan pencapaian maklumbalas pelanggan, Jawatankuasa Unit Pengurusan Risiko FPN memastikan setiap unit melaksanakan pelan pelaksanaan pengurusan risiko melalui pemantauan yang dibuat setiap tiga bulan. Setiap unit perlu menyediakan laporan Pengurusan Risiko FPN tentang peratusan pelaksanaan dan juga justifikasi pelaksanaan (Bukti 2).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB04_TC02_20231_Bukti 1 - 3.4.2 .pdf](#)

2. [F0014_T01_TB04_TC02_20232_Bukti 2 - 3.4.2.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Sesuatu projek yang dirancang dengan baik memerlukan proses pemantauan yang berkesan agar dapat berjalan dengan lancar. Penglibatan pelanggan dalam proses penambahbaikan juga amat penting dalam meningkatkan kualiti program dan aktiviti yang dilaksanakan. FPN memastikan setiap aduan dan maklumbalas yang diterima melalui soal selidik secara online melalui *Google Form* yang meliputi maklumbalas tentang program yang dilaksanakan dan juga penceramah/alumni yang dijemput diberi tindakan yang sewajarnya (Bukti 1). Sebagai contoh, *survey secara online (Google form)* akan diedarkan setiap kali selepas aktiviti melibatkan program keusahawanan bagi mendapatkan maklum balas pelajar.

Bagi program jaringan industri dan keusahawanan, maklumbalas untuk penambahbaikan diperolehi sama ada secara formal seperti mesyuarat dan sesi dialog ataupun secara tidak formal atau media sosial. Ini bagi mengenalpasti kelemahan atau penambahbaikan yang diperlukan bagi memperbaiki perjalanan program yang akan datang. Soal selidik tersebut akan dikumpul bagi tujuan analisa dan akan dilaporkan didalam Pelaporan Aktiviti (Bukti 2). Pejabat HEA, HEP dan RICAEN juga berperanan dalam melaksanakan tindakan bagi aduan dan maklumbalas yang diterima.

Setiap aduan dan maklumbalas yang diterima turut diambil tindakan dengan segera. Maklum balas yang diberikan oleh peserta melalui borang yang diedarkan selepas setiap program akan direkodkan dan dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Sebagai contoh Program Lazada yang merupakan aktiviti kolaborasi bersama rakan industri dan keusahawanan yang melibatkan pelajar dan penglibatan alumni sebagai *certified trainer* di dalam memberi pengenalan tentang *seller on boarding* kepada pelajar, FPN akan membincangkan di dalam mesyuarat *post-mortem* bersama pelajar yang terlibat sebagai AJK pelaksana (Bukti 3). Mesyuarat *post-mortem* akan dibuat selepas berakhirnya program untuk mengenal pasti maklumbalas dari pelanggan dan juga tindakan penambahbaikan selanjutnya bagi menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambahbaik program yang dijalankan oleh pihak BHEP. Segala permasalahan dan cadangan penambahbaikan akan dibincangkan semasa mesyuarat. Pelajar turut berbincang tentang masalah dihadapi serta cadangan untuk penambahbaikan dengan PA dari masa ke semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB04_TC03_20231_Bukti 1 - 3.4.3.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB04_TC03_20232_Bukti 2 - 3.4.3.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB04_TC03_20233_Bukti 3 - 3.4.3 .pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan dalam *Strategic Collaboration Partnership* beberapa amalan pembudayaan berjaya diterapkan. Sebagai contoh, pelaksanaan “Hari Bersama Industri” telah berjaya menghasilkan *dynamic engagement* antara FPN dan pelanggan yang terlibat. Aktiviti yang dilaksanakan turut memberi manfaat kepada FPN, universiti dan pelanggan. Ini dapat dilihat melalui penglibatan bersama rakan strategik di dalam proses pemindahan ilmu dalam meningkatkan kepakaran staf dan juga pembangunan pelajar. Ini dapat menumbang kepada kesinambungan pengiktirafan dari badan profesional antarabangsa. **Inisiatif pembudayaan pemindahan ilmu oleh rakan industri turut disebar luaskan ke cawangan yang melaksanakan program perakaunan dan matrikulasi MARA melalui program JPPRO** (Bukti 1). Kolaborasi ini dilihat memberi impak serta manfaat dalam pelbagai aspek terutamanya bidang penyelidikan, pemindahan ilmu dan pembangunan modal insan.

Penambahbaikan terhadap keberhasilan pendekatan aktiviti “Hari Bersama Industri” telah mewujudkan Program Alumni Ambassadors melalui pengiktirafan kepada 22 orang “*prominent alumni*” FPN di seluruh Malaysia (Bukti 2). *Alumni Ambassadors* ini akan menjadi duta serta sumber inspirasi kepada para pelajar. Setakat Disember 2022, seramai 111,647 alumni telah berjaya dikumpulkan. Program *Alumni Ambassadors* ini akan diperluaskan setiap tahun dengan lebih ramai Alumni Ambassadors akan dilantik.

Program Alumni Ambassadors ini amat penting dalam membantu FPN dalam aspek penyaluran idea dan kepakaran, mendapatkan sumbangan dana, pembangunan pelajar, mempromosi FPN serta mengeratkan jaringan FPN bersama pihak industri. Perlantikan Alumni Ambassadors sebagai duta dapat mendorong keterlibatan alumni secara lebih aktif dalam setiap aktiviti yang telah dan akan dirancang bagi pembangunan FPN secara khusus dan universiti secara amnya. Jaringan bersama alumni ini juga bertujuan membawa budaya korporat di FPN (Bukti 3).

Melalui pelbagai kolaborasi bersama rakan industri, alumni dan komuniti turut membudayakan *Value Driven Performance* dalam melahirkan akademia yang mempunyai komitmen dan kepakaran yang tinggi. Kolaborasi FPN bersama Jabatan Hasil Dalam Negeri Selangor dalam aktiviti Taxplorace 2022 dan juga beberapa siri perkongsian ilmu membantu mendidik warga FPN memahami sistem percukaian dan tanggungjawab sebagai pembayar cukai. Selain itu, aktiviti perpindahan ilmu antara FPN dan beberapa agensi kerajaan seperti IPN, Zakat dan komuniti seperti sekolah, orang asli, golongan asnaf telah meningkatkan kepakaran staf seterusnya menjadikan FPN sebagai hab rujukan dan penanda aras oleh industri dan komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB05_20231_Bukti 1 - 3.5.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB05_20232_Bukti 2 - 3.5.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB05_20233_Bukti 3 - 3.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan adalah pendekatan dan amalan FPN yang membolehkan pengumpulan, penilaian, dan pengurusan maklumat dan pengetahuan dengan tujuan meningkatkan prestasi, kecekapan, dan inovasi dalam bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan. Merangkumi hasil usaha yang difokuskan pada **penyelidikan dan penerbitan** dengan memanfaatkan kecemerlangan bakat dan peningkatan **kepakaran** staf serta memberi sumbangan diperingkat nasional dan global dan selari dengan hasrat UiTM untuk menjadi “**Globally Renowned University (GRU)**” pada 2025. Kelebihan FPN dalam bidang **penyelidikan & penerbitan** mewujudkan perkongsian dan kerjasama strategik dengan rangkaian industri sebagai pemangkin (**Catalyst**) dan penggalak perkongsian berpacuan nilai (**Enable**). Perkongsian yang bijak memperkukuhkan nilai dan membentuk kecemerlangan bakat staf dan menjadi rujukan dalam kepakaran (**Enhance**) serta memberi peluang dalam aktiviti **keusahawanan**.

Perancangan FPN bermula dengan sasaran **PSFPN2020-2025** mengikut indikator **i-Score, PI Objektif Kualiti FPN** serta **MyRA**, melibatkan penyusunan strategi dan pendekatan dalam mengumpulkan data yang relevan untuk dianalisa. Kerberhasilan bidang tumpuan diukur dengan data-data pelaporan dibawah pengukuran pencapaian tiga fokus utama **penyelidikan dan penerbitan, kepakaran dan keusahawanan**. Pelbagai inisiatif aktiviti bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan dan mengikut tiga fokus utama tersebut diatur oleh RICAEN untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

FPN **mengenal pasti, mengumpul dan menganalisis data** hasil tindakan berdasarkan item ukuran yang ditetapkan. Kaedah dan penggunaan teknik statistik yang bersesuaian digunakan bagi mengesan keberkesanan strategi dalam pengukuran pencapaian bidang tumpuan dan menilai di mana penambahbaikan yang berterusan boleh dibuat. Hasil analisa data juga dapat membantu FPN mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan perancangan dan tindakan yang diambil untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti. Pelbagai mekanisme telah dirancang dan dilaksanakan dalam memastikan kejayaan FPN di dalam bidang tumpuan. Setiap PTJ FPN mengambil tindakan yang pro aktif mengenal pasti risiko yang mungkin menjejaskan pencapaian penghayatan nilai teras kualiti serta memberdaya tugas dalam kalangan staf dan hasil tindakan tersebut turut diukur dan dianalisa bagi melihat keberkesanan penambahbaikan yang dilakukan.

FPN juga **menitikberatkan proses pemantauan** dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian. Pelaporan status pencapaian yang disediakan ini akan dibentangkan oleh ketua PTJ melalui saluran pelaporan tertentu seperti mesyuarat JAF, MKSP dan MPE. Perbincangan akan dilakukan terutama kepada perancangan hasil yang tidak tercapai, **tindakan pembedahan dan pencegahan** bersesuaian yang perlu diambil serta memastikan kualiti dapat dicapai. Unit Kualiti dan Unit Perancangan Strategik FPN juga dipertanggungjawabkan untuk membuat pemantauan pencapaian hasil yang direncanakan berdasarkan kepada tiga aspek utama FPN. Pemantauan semula akan dijalankan setelah tindakan pembedahan dan penambahbaikan telah dilaksanakan. Melalui pemantauan berterusan, FPN dapat mengesan trend prestasi dan mengenal pasti perubahan yang memerlukan tindakan segera.

Kaji semula pencapaian dan hasil tindakan turut dibuat **secara berkala** menerusi mesyuarat MPE dan MKSP yang melibatkan pengurusan atasan FPN dan PTJ untuk memastikan ia sesuai, berkesan dan sejajar dengan keadaan semasa dan hala tuju strategik FPN. Peluang penambahbaikan berterusan setiasa dilakukan dan menghasilkan inovasi yang perlu bagi memperbaiki dan meningkatkan prestasi dan keberkesanan strategi dalam bidang tumpuan. Cabaran di dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong aktiviti bidang tumpuan juga telah memberi ruang kepada FPN untuk berinovasi dan menghasilkan inisiatif yang memberi

...pamanggih, nepaka, amri ora joga aganapakal duralan

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran pencapaian FPN dalam bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan adalah melalui inisiatif yang diatur RICAEN untuk mencapai sasaran yang ditetapkan oleh **PSFPN2020-2025** mengikut indikator **i-Score**, **PI Objektif Kualiti FPN** serta **MyRA** (BUKTI 1). FPN memfokuskan kepada bidang **penyelidikan & penerbitan** dengan memanfaatkan kecemerlangan bakat dan peningkatan nilai **kepakaran** staf ke arah kompetensi global. Kekuatan FPN di bidang penyelidikan & penerbitan berteraskan **kolaborasi strategik** jaringan industri sebagai pemangkin. Perkongsian bijak berpacuan nilai menggilap kecemerlangan bakat sehingga mampu menjadi rujukan **kepakaran** staf oleh pemegang taruh yang seterusnya memberi ruang dan peluang menggalakkan aktiviti **keusahawanan**.

Fokus 1 bertumpu kepada **penyelidikan & penerbitan**. Terdapat tiga aktiviti tumpuan di bawah sumber ukuran **i-Score** iaitu “Research Alliance”, “Sparkling Research Cluster” dan “Innovation Champ” (BUKTI 2). Aktiviti “**Research Alliance**” diukur berdasarkan jumlah penerbitan berteraskan **kolaborasi strategik** “DDF initiatives”. Aktiviti “**Sparkling Research Cluster**”, diukur melalui bilangan penyelidik dan jumlah biaya geran penyelidikan. Aktiviti “**Innovation Champ**” diukur melalui **KPI fakulti** iaitu produk inovasi daripada warga fakulti dan berteraskan **kolaborasi strategik** “Matching Grant”. Tahap ukuran **Objektif Kualiti FPN** memberi perhatian kepada penerbitan berindeks dan geran penyelidikan.

Fokus 2 bertumpu kepada **kepakaran**. Terdapat empat aktiviti tumpuan di bawah sumber ukuran **i-Score** iaitu “Research Champion”, “Impactful USR/KPT Program”, “Smart Talent” dan “Empowering Alumni” (BUKTI 3). Keberkesanan “**Research Champion**” dinilai berdasarkan jumlah kolaborasi penerbitan. Aktiviti “**Impactful USR/KPT Program**”, diukur melalui program khidmat komuniti dan pemindahan pengetahuan dan jumlah dana yang diterima dan dibelanja di dalam program tersebut dan menghasilkan **kolaborasi strategik** bersama Pejabat Pendidikan Kuala Selangor dan program SULAM. Keberhasilan aktiviti “**Smart Talent**” diukur melalui staf yang mempunyai pengalaman industri. Bagi aktiviti “**Empowering Alumni**”, FPN menetapkan ukuran tersendiri merangkumi program “**Alumni Homecoming Program**”; alumni yang bekerja di sektor kerajaan, IPTA dan IPTS; maklumat yang telah diulang siar di platform media sosial; alumni menulis di FACT Newsletter; CEO and CFO (Alumni) program; program melibatkan alumni, fakulti dan komuniti; dan juga alumni yang terlibat dengan QS Ranking. Fokus 2 juga diukur melalui **MyRA** merangkumi ukuran keahlian warga FPN dengan Badan Profesional Perakaunan, dan penganugerahan dan pengiktirafan dalam penyelidikan. Seterusnya sumber ukuran **Objektif Kualiti FPN** turut digunakan melalui ukuran aktiviti pemindahan ilmu dan pengkomersilan dan aktiviti jaringan Masyarakat.

Fokus 3 bertumpu kepada **keusahawanan**. Terdapat lima aktiviti tumpuan di bawah sumber ukuran **i-Score**; “Fact Global Outreach and Immersion”, “Fact Care 4 Communities”, “Fact Wizardry”, “Fact Young Entrepreneur”, dan “Fact Entrepreneur Educator Expert” (BUKTI 4). Aktiviti “**Fact Global Outreach and Immersion**” diukur berdasarkan pelajar yang menghadiri program yang dijalankan oleh universiti atau rakan kongsi industri. Program “**Fact Care 4 Communities**”, diukur berdasarkan program sukarelawan. Seterusnya aktiviti “**Fact Wizardry**” diukur berdasarkan pelajar yang terlibat di dalam aktiviti ciptaan dan inovasi. Aktiviti “**Fact Young Entrepreneur**” dinilai berasaskan pelajar yang terlibat di dalam aktiviti keusahawanan dan program berasaskan teknologi. Aktiviti “**Fact Entrepreneur Educator Expert**” dinilai berdasarkan kolaborasi keusahawanan dengan agensi, industri, NGO and IPT dan pensyarah yang mempunyai skil keusahawanan. Kedua-dua aktiviti “Fact Young Entrepreneur” dan “Fact Entrepreneur Educator Expert” menghasilkan **kolaborasi strategik** Bersama MASMED.

SENAKAI BUKTI:

1. [F0014_A01_AB02_20231_Bukti 1 4.2_Sumber ukuran, item ukuran, data yang digunakan dan kekerapan data.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB02_20232_Bukti 2 4.2_Fokus1.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB02_20233_Bukti 3 4.2_Fokus2.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB02_20234_Bukti 4 4.2_Fokus3.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB02_20231_Bukti 1 4.2.pdf](#)
6. [F0014_A01_AB02_20232_Bukti 2 4.2.pdf](#)
7. [F0014_A01_AB02_20233_Bukti 3 4.2.pdf](#)
8. [F0014_A01_AB02_20234_Bukti 4 4.2.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan mencapai kualiti yang dikehendaki, FPN mengumpulkan **data-data untuk penilaian** yang diambil daripada **sumber ukuran i-Score, PI Objektif Kualiti FPN serta MyRA**. Data ini merangkumi maklumat berkenaan matlamat tindakan dan langkah-langkah yang dilaksanakan, dan pencapaian hasil disemua peringkat iaitu fakulti, universiti dan antarabangsa. Ia digunakan untuk mengukur pencapaian setiap fokus strategik iaitu penyelidikan dan penerbitan, kepakaran dan keusahawanan. Pendekatan analisis merangkumi **perbandingan sasaran dan perbandingan tahunan** digunakan untuk **mengukur perubahan dalam parameter prestasi dan menilai impak tindakan** setiap inisiatif yang telah dibuat. **Data ini dikumpul secara berkala dan berperingkat** mengikut kekerapan analisa data yang ditetapkan untuk mengukur pencapaian semasa. Pengumpulan data dilakukan secara **sistemik** (BUKTI 1) (carta alir prosedur pengurusan data) mengikut prosedur analisa data oleh pegawai bertanggungjawab bagi setiap bahagian utama FPN terdiri daripada penyelarar, koordinator, pegawai dokumen dan juga pembantu tadbir. Hasil data **dikaji secara berterusan** dalam sesi analisis yang dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab. Ini membolehkan **pengesanan trend prestasi, mengenal pasti perubahan berdasarkan masa, dan membuat perbandingan dengan sasaran**. Data infografik (BUKTI 2) memperincikan sumber ukuran, aktiviti tumpuan, kolaborasi strategik, item ukuran, data yang digunakan dan kekerapan data dianalisa untuk mengukur pencapaian setiap fokus strategik.

Unit Kualiti FPN dan Unit Perancangan Strategik FPN bertanggungjawab untuk **mengemaskini dan mengumpul data** daripada pegawai bertanggungjawab terdiri daripada koordinator, penyelarar, penasihat dan AJK yang dilantik untuk menilai pencapaian fokus strategik masing-masing. **Unit Kualiti FPN dan PTJ RICAEN** bertanggungjawab untuk **menyemak pencapaian** bagi sumber ukuran di peringkat **fakulti**. Manakala **Unit Pengurusan Strategik FPN** pula akan menyemak pencapaian untuk sumber ukuran di peringkat **universiti dan antarabangsa**. Analisa pencapaian item ukuran boleh dilihat melalui pelaporan minit-minit mesyuarat, **pelaporan** kepada **RICAEN dan sistem pelaporan UTM seperti SMART, NILAMS dan PRIME**.

Pengurus Pemantau Perancangan Strategik Fakulti dibantu oleh Koordinator Perancangan Strategik Fakulti akan melaporkan dimesyuarat **FACT SAP-Advisory Committee setiap suku tahun** pencapaian keseluruhan status pelaksanaan inisiatif perancangan strategik Fakulti termasuk analisis pencapaian item ukuran **i-Score** (BUKTI 3). Laporan pencapaian terkini **PSFPN2020-2025** juga dibentangkan dalam **MKSP secara dwi tahunan** (BUKTI 4) bersama dengan laporan pencapaian **Objektif Kualiti FPN** (BUKTI 5) termasuk **dapatan audit dalam** bagi mengesahkan semakan terhadap pelaksanaan dan pencapaian fakulti telah dibuat. Analisis pencapaian dinilai dan jika sesuatu perancangan tidak memuaskan, **tindakan pembedahan dan pencegahan** yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan dicapai.

Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) yang bermesyuarat **setiap dua bulan akan menyemak, memantau dan merekod kemajuan dan pencapaian projek/aktiviti** penyelidikan. Bagi **khidmat komuniti dan keusahawanan**, RICAEN mengadakan mesyuarat **setiap dua bulan** untuk **memantau dan melaporkan aktiviti** yang telah dirancang. Semakan berkala ini membolehkan segala ketidakpatuhan dan penemuan yang ditemui dapat ditambah baik pada masa akan datang.

Data dan maklumat di dalam setiap pelaporan yang dibuat di mesyuarat-mesyuarat disemak dan dianalisa untuk menentukan sama ada PI yang ditetapkan tercapai dan memastikan aktiviti tumpuan mencapai kualiti yang dikehendaki. **Semakan berkala** ini membolehkan segala **ketidapatuhan dan penemuan** yang ditemui dapat **ditambah baik** pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB03_20231_Bukti 1_4.3_Carta alir prosedur pengurusan data.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB03_20232_Bukti 2_4.3_Sumber ukuran, item ukuran, data yang digunakan dan kekerapan data.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB03_20233_Bukti 3_4.3_Mesyuarat FACT SAP-Advisory Committee.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB03_20234_Bukti 4_4.3_Laporan PSFPN2020-2025-MKSP Dwi tahunan.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB03_20235_Bukti 5_4.3_Laporan Objektif Kualiti FPN-MKSP Dwi tahunan.pdf](#)
6. [F0014_A01_AB03_20231_Bukti 1_4.3.pdf](#)
7. [F0014_A01_AB03_20232_Bukti 2_4.3.pdf](#)
8. [F0014_A01_AB03_20233_Bukti 3_4.3.pdf](#)
9. [F0014_A01_AB03_20234_Bukti 4_4.3.pdf](#)
10. [F0014_A01_AB03_20235_Bukti 5_4.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil analisa data membantu menentukan aktiviti-aktiviti yang memerlukan penambahbaikan prestasi, kelemahan dan potensi peningkatan dalam bidang tumpuan. **Penetapan sasaran prestasi yang spesifik, terukur dan relevan** dibuat agar tindakan penambahbaikan dapat dilakukan untuk mencapai prestasi yang terbaik. Tindakan selanjutnya dapat ditentukan untuk mengatasi kelemahan dan memanfaatkan peluang yang ada untuk penambahbaikan prestasi. **Data prestasi dikumpulkan secara berkala** selepas tindakan penambahbaikan dilaksanakan untuk **menilai keberkesanan penambahbaikan dan mengenal pasti pencapaian** sasaran prestasi.

Pemantauan dan pengukuran prestasi di FPN dilakukan melalui mekanisme **pelaporan berkala**. Di peringkat UiTM, pelaporan merangkumi pencapaian **i-Score di SMART** oleh penyelarasan dan koordinator RICAEN, pelaporan **pendaftaran MOU/MOA** oleh penyelia di **NILAMS** dan pelaporan **pendaftaran Star Rating Community Engagement di PRIME** oleh ketua projek (BUKTI 1). Di peringkat FPN, **dokumentasi pelaporan dibuat secara sistematik** mengikut carta organisasi RICAEN, sesalinan laporan dihantar oleh PIC kepada penyelarasan dan koordinator ICAN sebagai bukti pelaksanaan aktiviti (BUKTI 2).

Pelaporan perbandingan sasaran pencapaian i-Score, Objektif Kualiti dan MyRA, pemantauan pelaksanaan di semak di mesyuarat FPN seperti MKSP, BTU-MPE dan JPF (BUKTI 3) bagi menentukan sasaran dicapai dan menepati standard kualiti. Analisa data ini dijadikan **“Red Flag” indikator** kepada kemajuan pelaksanaan aktiviti. **Pelaporan aktiviti yang bermasalah dan menghadapi risiko** pelaksanaan direkod dalam **Daftar Risiko/Pelan Kawalan Tindakan Risiko RICAEN** (BUKTI 4). Tindakan awal pemantauan melalui proses kenal pasti punca, impak dan strategi menangani risiko dilakukan bagi aktiviti bermasalah. Cadangan penambahbaikan kawalan strategi aktiviti yang terhasil dari input analisa data menjadi dokumentasi penting dan diubahsuai mengikut keperluan aktiviti. Pemantauan tahap pelaksanaan cadangan penambahbaikan **dipantau oleh Koordinator dan Penyelarasan**.

Hasil analisa data dan langkah-langkah penambahbaikan prestasi dalam bidang tumpuan juga melibatkan **perkongsian maklumat** yang komprehensif dan terbuka di FPN. Ini termasuk perkongsian di **mesyuarat akademik FACT** yang diadakan **dua kali pada setiap semester**. Laporan kemajuan pencapaian terkini turut dikongsikan melalui **email** dari TDA RICAEN kepada warga FPN. Perkongsian maklumat menerusi media sosial FPN seperti **Facebook, Instagram, Twitter dan laman web FPN** sebagai paparan umum. Manakala kumpulan **WhatsApp** menjadi saluran hebahan maklumat berbentuk poster dan memo kepada warga FPN. Ia memberi pendedahan maklumat yang tepat dan terkini kepada warga FPN untuk bekerjasama bagi mencapai sasaran bidang tumpuan (BUKTI 5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_A01_AB04_AC01_20231_Bukti 1_4.4.1.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB04_AC01_20232_Bukti 2_4.4.1.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB04_AC01_20233_Bukti 3_4.4.1.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB04_AC01_20234_Bukti 4_4.4.1.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB04_AC01_20235_Bukti 5_4.4.1.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko yang berkaitan dengan pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan boleh menjejaskan usaha organisasi. FPN menggunakan **pendekatan sistematik untuk mengenalpasti dan mengurus risiko-risiko** ini. Dalam proses ini, **risiko dikenal pasti, dinilai, dan ditangani untuk memastikan pengurusan data yang efektif**. Contoh risiko yang dikenal pasti dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan adalah **jumlah data yang dikumpul terlampau banyak, data kurang tepat dan kurang difahami, data dari pelbagai sumber serta data yang tidak berkualiti**. Risiko-risiko ini dikenalpasti daripada proses-proses yang berkait dengan bidang tumpuan.

Risiko data berlebihan apabila FPN menerima data yang sangat banyak berkaitan setiap aktiviti yang dijalankan. Ini menyebabkan penganalisis mempunyai ribuan set data yang saling berkait dan menyukarkan proses analisis data. Data ini perlu dimasukkan di dalam sistem seperti **PRIME, SMART, NILAMS dan AIMS** (BUKTI 1). Antara **tindakan pencegahan** yang diambil oleh FPN dalam mengurangkan impak risiko kriteria ini ialah **lantikan tambahan bagi membantu mengurus data seperti Penyelaras MyRA, Penyelaras Penerbitan, Penyelaras Alumni, Penyelaras Inovasi, lantikan QS Ranking serta pemilik proses Pengurusan Fail Kursus** (BUKTI 2). Data akan disusun secara sistematik samada oleh setiap staf atau penyelaras yang dilantik bagi mempercepatkan proses pelaporan kepada pihak UiTM. Ini dapat dilihat daripada **inisiatif pihak RICAEN** dalam memberikan **taklimat kepada PYB** bagi sama-sama **mengemaskini data di dalam sistem SMART** (BUKTI 3). Pegawai bertanggungjawab akan mengenal pasti kesesuaian data yang hendak dilapor dengan menganalisa data tersebut bagi mengelakkan risiko data yang tidak relevan diberikan.

Data dianalisis dan dilaporkan secara visual melalui graf atau carta bagi memudahkan pemahaman dan memberi kesan. Ini termasuk data yang **dibentangkan di dalam MKSP serta Mesyuarat Pengurusan Risiko Fakulti** (BUKTI 4). Data juga diterima dari pelbagai sumber yang disimpan di dalam sistem yang berbeza. Ini mungkin akan menyebabkan analisis yang tidak tepat dan tidak lengkap. Oleh yang demikian, FPN juga telah menjalankan **inisiatif melalui penyediaan pangkalan data yang membantu perbandingan silang data**. Staf FPN juga telah menghasilkan **satu pangkalan data berkenaan penyelidikan yang lebih bermaklumat** (BUKTI 5). Ini membantu FPN mendapatkan data yang berkualiti serta mudah capai apabila diperlukan oleh pengguna data.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB04_AC02_20231_Bukti_1_4.4.2.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB04_AC02_20232_Bukti_2_4.4.2.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB04_AC02_20233_Bukti_3_4.4.2.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB04_AC02_20234_Bukti_4_4.4.2.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB04_AC02_20235_Bukti_5_4.4.2.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPN menganalisa hasil tindakan dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan untuk memahami impak dan keberkesanan tindakan tersebut bagi tujuan penambahbaikan. Ia dilakukan melalui **MKSP** berkala iaitu **dua kali setahun**. **Prosedur MKSP (BUKTI 1)** yang **jelas** diwujudkan sebagai **garis panduan** bagi memastikan proses kaji semula pengurusan dilaksanakan secara terancang dan berkesan di bawah kaedah yang ditetapkan oleh pengurusan FPN.

Proses analisis hasil tindakan bermula dari **pengumpulan data hasil tindakan** oleh Penyelaras dan Koordinator RICAEN yang merupakan Ahli MKSP, daripada pelbagai sumber seperti laporan projek, maklum balas pengguna, tinjauan prestasi, dan penilaian kesan. **Data hasil tindakan ini akan dianalisa**, melibatkan penilaian terhadap matlamat yang dicapai, perubahan yang diperoleh, dan manfaat yang diperoleh dari tindakan penambahbaikan tersebut. **Hasil analisis dijelaskan, diinterpretasikan dan dibentangkan** di dalam MKSP. Punca-punca masalah dikenalpasti melalui kajian tren dan corak, diikuti dengan rumusan panduan dan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil. Berdasarkan analisis hasil tindakan tersebut, MKSP **menyediakan cadangan penambahbaikan** yang bersifat strategik dan operasi yang juga dibentangkan di MKSP. MKSP bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan susulan dalam tempoh masa yang ditetapkan seterusnya memajukan laporan keberkesanan tindakan yang telah diambil kepada Dekan. Sekiranya tindakan yang diambil tidak berkesan, perbincangan dibuat dengan Ahli MKSP untuk tindakan pembetulan.

Contoh analisis hasil tindakan yang telah diambil dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan untuk penambahbaikan ialah; RICAEN telah **mengenal pasti dan menganalisa isu berkaitan penghantaran pelaporan** program jaringan masyarakat yang tidak kemas. Seterusnya, **cadangan penambahbaikan** ialah pegawai bertanggungjawab **menghantar salinan laporan** ke pihak RICAEN **setelah selesai setiap aktiviti** tersebut bagi tindakan selanjutnya seperti pelaporan BTU dan MyRA. Laporan analisa telah disediakan (BUKTI 2) serta dibentangkan dan penjelasan terperinci diberikan di dalam MKSP (BUKTI 3).

Bagi memastikan proses penambahbaikan ini berjalan dengan lancar, keseragaman dalam pelaksanaan dan kesedaran serta kemahuan perlu timbul di kalangan warga FPN sendiri. Ianya agar mana-mana tindakan yang melibatkan warga, akan dilakukan bukan kerana terpaksa atau dipaksa. Dari sudut ini, **maklumat penemuan kajian semula prestasi disampaikan** kepada staf berkaitan dan keseluruhan warga FPN melalui **mesyuarat Akademik** (Bukti 4) agar seluruh organisasi dapat menyokong dan berganding bahu untuk meningkatkan pencapaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB04_AC03_20231_Bukti_1_4.4.3.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB04_AC03_20232_Bukti_2_4.4.3.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB04_AC03_20233_Bukti_3_4.4.3.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB04_AC03_20234_Bukti_4_4.4.3.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelbagai usaha penambahbaikan telah diambil oleh FPN dalam memastikan semua data yang relevan dapat dikumpul, dianalisis serta dikongsi bagi tujuan pelaporan. Usaha ini telah diperluaskan secara menyeluruh kepada seluruh warga FPN contohnya **inisiatif ini dilakukan oleh Penyelaras Komunikasi FPN** yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat kepada umum, juga kepada warga FPN khususnya. Bagi **penyampaian yang lebih berkesan** FPN juga telah menghasilkan satu inovasi **Kerangka Komunikasi Korporat** yang membantu **menguruskan maklumat dan penyebaran maklumat pencapaian Fakulti** (BUKTI 1). Ianya bertindak sebagai pemangkin atau motivasi kepada seluruh warga FPN bagi terus menyumbang di dalam bidang tumpuan 2022.

Selain dari itu, FPN juga telah menjalankan inovasi di mana satu **video panduan mengisi STAR RATING PRIME** disediakan bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan industri seperti USR dan KTP yang berkualiti dari warga (BUKTI 2). Ia digunakan sebagai rujukan perancangan aktiviti USR dan KTP pada masa hadapan. Usaha inovasi juga dijalankan oleh pihak RICAEN dimana **data alumni atau pihak industri** diperolehi dengan lebih pantas dan berkesan melalui pembangunan **Integrated Alumni Database FPN** yang disasarkan kepada seluruh alumni FPN yang berada di Malaysia atau di luar negara (BUKTI 3). Ini dapat membantu FPN berkolaborasi dengan pihak alumni yang mewakili industri luar untuk menjalankan aktiviti berkaitan bidang tumpuan seperti **Program Hari Bersama Industri dan Alumni Homecoming** yang dihadiri oleh jemputan dari seluruh Malaysia (BUKTI 4).

Daripada pengukuran, analisis data dan pengurusan pengetahuan yang berkesan, FPN telah berjaya mendapat pencapaian yang membanggakan seperti yang disebarluaskan di laman web FPN. Selain dari itu, FPN juga berjaya menghasilkan **Newsletter** yang mengandungi data dan maklumat yang meningkatkan keterlihatan FPN bagi **menarik minat pemegang taruh untuk berkolaborasi** dengan FPN bagi mencapai matlamat bidang tumpuan JIK (BUKTI 5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB05_20231_Bukti_1_4.5.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB05_20232_Bukti_2_4.5.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB05_20233_Bukti_3_4.5.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB05_20234_Bukti_4_4.5.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB05_20235_Bukti_5_4.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan elemen penting di dalam menjayakan strategi organisasi. Warga FPN (staf akademik dan staf pentadbiran) merupakan nadi penggerak untuk setiap inisiatif strategik yang dijalankan. Komitmen tinggi warga dan pengurusan sumber manusia cemerlang menyumbang kepada pencapaian hasil Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) dan KPI tahunan FPN.

Pendekatan utama di dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia (PPS) di FPN adalah melalui pembangunan **Talent Excellence** di kalangan warga FPN yang **berkelayakan, berkompetensi dan berkepakaran**. Hasil utama PPS adalah warga FPN yang **Catalyst, Enabler** dan **Enhancer** yang akan mendokong kejayaan JIK FPN. Pelaksanaan PPS berteraskan **model ADR** merangkumi penyediaan persekitaran kerja di mana individu boleh membangun dan mengembangkan kerjaya secara profesional; mampu menyumbang idea dan bekerjasama di dalam satu pasukan serta diberikan pengiktirafan di atas sumbangan dan pencapaian yang diberikan.

Kepimpinan FPN percaya sistem PPS yang berkesan dan cekap merupakan elemen utama yang perlu diberikan tumpuan di dalam **perancangan strategik** FPN. Ini dibuktikan dengan wujudnya PSFPN2020-2025 yang menitikberatkan keperluan di dalam membentuk **Talent Excellence** dalam kalangan warga FPN. Inisiatif di dalam FACT Strategic Action Plan (SAP) 2022 seperti FactSIPOS yang dirancang dan dilaksanakan telah berjaya menghasilkan warga FPN cemerlang di dalam pelbagai dimensi [rujuk Hasil 3 – Sumber Manusia]. Inisiatif lain dalam FACTSAP 2022 seperti Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP Program dan Integrated Alumni Database juga berjaya menghasilkan **Talent Excellence** di kalangan warga FPN, seterusnya mencapai hasil JIK yang dirancang.

Pelaksanaan PPS di FPN dimulakan dengan **penjajaran model ADR dan inisiatif FACTSAP 2022**. Ini bagi memastikan aktiviti yang dirancang di bawah setiap inisiatif sejajar dengan pendekatan kepimpinan FPN seterusnya akan mengoptimalkan hasil sumber manusia FPN. Kejayaan ini akan dibuktikan melalui peningkatan kompetensi pensyarah di dalam P&P dan penyelidikan yang menjurus kepada kelestarian aktiviti dan hasil JIK. (Rujuk gambarajah 5.1 untuk pemetaan ADR kepada perincian aktiviti FACTSAP 2022)

Tiga peringkat proses pemantauan berstruktur dipraktikkan oleh FPN bagi memastikan pencapaian FACTSAP 2022. Peringkat pertama **pemantauan bulanan** kemajuan FACTSAP 2022 dan i-score dijalankan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) FPN. Pemantauan peringkat kedua dijalankan pada **setiap suku tahun** di dalam mesyuarat JK Perancangan Strategik FPN. Peringkat ketiga pula dijalankan **dua kali setahun** melalui MKSP. MKSP merupakan platform terakhir FPN untuk mengukur kemajuan dan keberkesanan inisiatif FACTSAP 2022. Kemajuan dan pencapaian terkini setiap inisiatif FACTSAP 2022 dianalisa secara terperinci mengikut portfolio utama kepimpinan FPN iaitu akademik, pelajar, penyelidikan dan jaringan dan pentadbiran. Tindakan pencegahan dikenalpasti pada setiap peringkat pemantauan dan penambahbaikan segera diambil.

Penambahbaikan di dalam pelaksanaan aktiviti, peruntukan sumber tambahan dan meminimalkan risiko pencapaian hasil bagi setiap inisiatif FACTSAP 2022 akan diterajui oleh kepimpinan FPN dan kumpulan pelaksana. Melalui prinsip **#togetherness**, maklumat pencapaian terkini dan penambahbaikan akan disebarluaskan secara berkala kepada warga FPN melalui platform Mesyuarat Akademik dan juga media sosial FPN. Amalan ini penting untuk setiap warga memahami dan menyumbang ke arah melahirkan **Talent Excellence** di dalam **menjayakan strategi JIK di FPN**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PPS berteraskan model ADR (Bukti 1: Gambarajah 5.1) sentiasa menjadi rujukan utama kepimpinan dan kumpulan pelaksana FPN. Ini perlu bagi memastikan warga FPN berkecayaan, berkepakaran dan berkemampuan dalam melahirkan graduan cemerlang [berfikiran global, dinamik dan diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa] seperti yang diperincikan di dalam PSFPN2020-2025. Unjuran keperluan staf yang dilakukan secara berkala membantu FPN dalam memastikan tenaga kerja mencukupi untuk memenuhi halatuju strategik FPN. Maklumat ini juga perlu untuk memastikan PPS dapat mengoptimumkan sumber manusia di dalam menjayakan P&P dan penyelidikan di FPN.

Selari dengan visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia FPN menjadikan kelayakan akademik, kepakaran dan kompetensi sebagai elemen utama PPS di dalam pengambilan dan pembangunan staf terutamanya pensyarah. Pelbagai pendekatan berfokuskan pencapaian dan ketampakan dilakukan bagi menarik minat bakal pensyarah untuk menyertai FPN (Bukti 2: Media sosial FPN). Inisiatif pembangunan staf seperti FactSIPOS, dan Fact_ProTraining dilakukan bagi melonjakkan kelayakan, kepakaran dan kompetensi pensyarah sedia ada. FPN mengadakan inisiatif Dynamic Linkages yang memfokuskan kepada perkongsian strategik dengan industri, syarikat antarabangsa yang diiktiraf serta universiti tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan kepakaran dan kompetensi pensyarah serta ketampakan FPN di peringkat nasional dan antarabangsa. (Bukti 3 – Senarai kolaborasi Bersama syarikat multinational, MOU dan MOA). Peningkatkan kepakaran pensyarah dalam bidang P&P dan penyelidikan juga dihasilkan melalui pelbagai kolaborasi dengan universiti dan industri dalam dan luar negara dengan termeterainya MOU/MOA. Dengan kolaborasi yang dijalankan, pensyarah dapat memangkinkan hub rujukan kepakaran serta memacukan nilai kompetensi pensyarah juga fakulti.

Pelbagai peluang telah disediakan melalui inisiatif FACTSAP 2022 bagi memastikan staf FPN dapat meningkatkan keupayaan mereka ke tahap optimum dan menyumbang kepada pencapaian FACT Education Framework (SP 2020-2025) di FPN. Pemeraksanaan ekosistem PPS menekankan kepada aspek governan dan proses pelaksanaan insentif baru FPN, terutamanya berkaitan kolaborasi bersama MASMED bagi melahirkan pakar usahawan dilihat sebagai pemangkin Retain and Motivate pensyarah FPN. (Bukti 4 – Dokumen berkaitan MASMED fakulti).

FPN juga mementingkan tanggungjawab sosial universiti dengan menjalankan aktiviti bersama komuniti sekitar Puncak Alam iaitu mengadakan program bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Selangor (Bukti 5 – program USR Sekolah Puncak Alam), dengan penambahbaikan dari program awal yang diadakan pada tahun 2021.

FPN sentiasa berusaha untuk menjalankan kolaborasi strategik dan lestari dengan pihak industri, agensi kerajaan, komuniti, universiti luar dan alumni. Sehingga Disember 2022, FPN telah merekodkan jumlah alumni seramai 108,000 orang. Program alumni ambassador juga diperkenalkan dan memberi pengiktirafan kepada 22 orang prominent alumni sebagai idola serta sumber inspirasi kepada semua warga FPN. (Bukti 5 – laporan program alumni ambassador).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_S01_SB02_20231_BUKTI 1 gambarajah ADR.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB02_20232_BUKTI 2 social media fakulti.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB02_20233_BUKTI 3 senarai MOU MOA.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB02_20234_BUKTI 4 dokumen MASMED.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB02_20235_BUKTI 5 DAN 21 Laporan Program Alumni Ambassadors FACT](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sumber manusia merupakan aset terpenting FPN. Fakulti sangat menitik beratkan perkembangan kerjaya dan peningkatan kompetensi setiap staf akademik dan bukan akademik. Kejayaan dan pengiktirafan yang diterima oleh warga FPN merupakan kejayaan fakulti. Justeru ekosistem dan pelan PPS berstruktur dapat mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia FPN. (Bukti 6 - Gambarajah 5.2 – Ekosistem PPS)

PPS FPN menggalakkan kepakaran warga dikongsi kepada pemegang taruh FPN. Jalinan dengan komuniti dimana kepakaran pensyarah boleh disebar luas melalui perkongsian dengan guru – guru perakaunan dari sekolah menengah. Perkongsian berkaitan isu – isu dan perkembangan semasa khususnya dalam bidang perakaunan dan tadbir urus korporat. Program USB ini dapat menyokong agenda kelestarian antarabangsa seperti yang digariskan oleh United Nation melalui matlamat SDG ke arah keamanan dan kemakmuran manusia dan planet ini dan selamanya. Jalinan dengan industri juga melibatkan SME antarabangsa melalui program SULAM international di mana pensyarah dan pelajar menjalankan program pemindahan ilmu kepakaran dengan organisasi SME. (Bukti 7 – laporan Sulam).

Medium perkongsian adalah melalui program-program USB FPN, lantikan-lantikan sebagai pensyarah/profesor pelawat, lantikan-lantikan oleh organisasi luar dan sebagainya. [Bukti 8 – Senarai lantikan dalam dan luar UiTM] Lantikan-lantikan ini merupakan pengiktirafan organisasi luar terhadap kepakaran warga FPN. Ianya juga secara tidak langsung meningkatkan ketampakan FPN di peringkat nasional dan antarabangsa. Kepekaan kepada ekosistem PPS menghasilkan inisiatif yang menjadi platform peningkatan kerjaya warga FPN.

Bagi menjayakan keusahawanan, kolaborasi bersama MASMED telah dijalankan melalui entrepreneur educator training dan program mentoring bersama Lazada. Seterusnya pensyarah akan mengadakan aktiviti bersama pelajar termasuk mewujudkan platform LAZADA untuk pelajar memulakan perniagaan secara online serta latihan pembangunan soft skill berteraskan keusahawanan. (Bukti 9 – Laporan LAZADA platform).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB03_20231_BUKTI 6 gambarajah ekosistem.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB03_20232_BUKTI 7 laporan sulam.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB03_20233_BUKTI 8 Senarai lantikan dalam dan luar UiTM.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB03_20234_BUKTI 9 DAN 12 laporan lazada.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PPS yang cekap dan berkesan dalam menghasilkan Talent Excellence selari dengan kehendak JIK merupakan kunci kejayaan FPN. Pemantauan berkala diperlukan bagi memastikan objektif PPS ini tercapai. Soal selidik "Happiness Index " UiTM adalah medium utama untuk mendapatkan maklumbalas tahap keceriaan dan suasana bekerja di FPN. Hasil kajian mendapati berdasarkan model 'PERMAI' yang digunakan, index kegirangan terkini warga fakulti adalah pada tahap baik iaitu 76%. Maklumbalas ini dibincangkan dan dijadikan sebagai panduan dalam merangka strategi PPS FPN. (Bukti 10: Survey Happiness Index)

Selari dengan keperluan KPI JIK di FPN maklumbalas tentang kepuasan hati dan keberkesanan aktiviti telah diperolehi dari pegawai PPD Kuala Selangor, Pengetua, guru – guru dan murid – murid. Maklum balas yang diterima amat memberangsangkan di mana majoriti peserta bersetuju bahawa pengetahuan, kemahiran, kecenderungan dan minat mereka terhadap subjek perakaunan telah meningkat setelah mengikuti program USR anjuran FPN. Keputusan analisa yang diperolehi memberi gambaran bahawa program USR ini telah berjaya membantu persediaan para pelajar menghadapi peperiksaan SPM. (Bukti 11 – Report USR)

Keberkesanan program keusahawan LAZADA platform yang dijalankan berada pada tahap sangat baik di mana pelajar dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan dan etika dan moral professional. (Bukti 12 – Report Lazada Platform).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_S01_SB04_SC01_20231_BUKTI 10 Fakulti Perakaunan Happiness index.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB04_SC01_20232_BUKTI 11 DAN 17 Laporan Program USR \(FACT PPD\).pdf](#)
3. [F0014_S01_SB04_SC01_20233_BUKTI 9 DAN 12 laporan lazada.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelbagai inisiatif telah diadakan oleh FPN bagi memastikan PPS sentiasa dipertingkatkan dan ditambah baik dari tahun ke tahun. Perancangan strategik FPN sentiasa mengambil kira PPS sebagai satu inisiatif yang penting untuk memastikan FPN sentiasa cemerlang dan berdaya saing. Sasaran matlamat bagi UiTM pada tahun 2022 adalah 'Globally Competent'. Maklumat lanjut tentang pengurusan risiko FPN boleh didapati di bahagian Kriteria 2 - Perancang Strategik.

Beberapa risiko berkaitan JIK FPN telah dikenalpasti bagi tahun 2022. Antaranya adalah bagi program USR, kekurangan jaringan strategik bersama industri dan komuniti untuk melaksanakan program ini. Selain dari itu, pensyarah menghadapi jadual pengajaran yang padat menyebabkan fokus adalah lebih kepada P&P dan penyelidikan. Untuk program Dynamic Linkages, fakulti berisiko untuk tidak dapat mencapai target BTU dalam menandatangani MOU dan MOA. Faktor pemarkahan dalam myATP yang tidak mengambil kira sumbangan pensyarah dalam aktiviti USR menyebabkan kurangnya minat pensyarah untuk terlibat dalam program ini. (Bukti 13 – Daftar risiko FACT RICAEN).

Bagi program keusahawanan di kalangan pelajar, risiko adalah kekurangan penyertaan pelajar dalam memohon sumber pembiayaan kerana ketidaksediaan pelajar menjalankan perniagaan yang memerlukan modal yang besar. Pelajar lebih memilih kepada perniagaan dropship. Perniagaan ini hanya melibatkan latihan dalam talian di mana tidak mencapai matlamat program yang melibatkan pelajar dengan skala yang besar.

Risiko program alumni adalah di mana tidak dapat menarik minat penyertaan alumni dalam aktiviti bersama fakulti. Punca risiko ini dikenalpasti sebagai ketiadaan pangkalan data alumni yang lengkap dan terkini dan Persatuan Alumni FPN yang masih belum aktif sepenuhnya. Pengumpulan data alumni yang menjalankan perniagaan sukar diadakan memandangkan ianya terikat dengan jurisdiksi berkaitan Personal Data Protection Act (PDPA). Antara tindakan pencegahan yang diambil FPN termasuklah penambahbaikan operasi program SULAM yang menjadi sumber utama pencapaian i-Score FPN untuk USR. Bagi Dynamic Linkages tindakan membina kekuatan jaringan baru bersama industri dan rakan universiti melalui kerjasama penganjuran bersama konferensi antarabangsa. Manakala Tracer Study telah dijalankan untuk membina profil database pelajar dan alumni untuk memastikan aktiviti yang berimpak bersama alumni dapat dirancang dan dilaksanakan. Jalinan kerjasama padu FPN dan alumni akan dapat menggalakkan minat pelajar terhadap keusahawanan. (Bukti 14 – Database pelajar keusahawanan; Bukti 15 – Database alumni).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB04_SC02_20231_BUKTI 13 Daftar Risiko 2022 RICEAN.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB04_SC02_20232_BUKTI 14 Database pelajar keusahawanan.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB04_SC02_20233_BUKTI 15 database ALUMNI.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPN sentiasa memastikan PPS dapat dipertingkatkan setiap tahun. Pelbagai inisiatif dan aktiviti selari dengan objektif PSFPN2021-2025 dijalankan bagi menangani kekurangan dan kelemahan sistem PPS. Pengurusan risiko sumber manusia juga termasuk risiko berkaitan aktiviti JIK yang dijalankan di FPN bagi memastikan sumber manusia bercirikan Catalyst, Enabler dan Enhancer dapat dihasilkan.

Khususnya, inisiatif tambahan yang diambil bagi memantapkan pengoperasian USR iaitu FPN berkolaborasi dengan pelbagai agensi kerajaan, industri, NGO, alumni, pihak media dan komuniti setempat bagi menjalankan aktiviti USR/KTP secara bersama. Talent Cluster, sebagai satu special purpose vehicle, dipertanggungjawabkan menggerakkan program USR dengan meletakkan pencapaian ini sebagai sebahagian daripada KPI Talent Cluster. (Bukti 16: Talent Cluster Report). Pensyarah dari cawangan dan juga pelajar FPN turut terlibat di dalam aktiviti USR/KTP sebagai tenaga pengajar dan fasilitator. (Bukti 17 – Laporan Program USR bersama PPD Kuala Selangor 2022].

Talent Cluster juga digunakan sebagai platform bagi menggerakkan rancangan kolaborasi untuk tujuan meningkatkan MoU/MoA (Bukti 18 – Excel Report Talent Cluster RICAEN). Strategi Perkongsian Ilmu Keusahawanan bagi memulakan perniagaan di antara usahawan alumni bersama pelajar dapat dilaksanakan hasil analisa profil pangkalan data alumni. Analisa profil alumni ini juga menghasilkan pelaksanaan siri perkongsian antara alumni FPN berjaya bersama pelajar dapat dilakukan pada tahun 2022 (Bukti 19 – Poster Alumni Sharing Session).

Bagi memperkasakan program keusahawanan di kalangan pelajar, inisiatif telah diambil dengan memanfaatkan penglibatan alumni FPN. Pelantikan Penyelaras Alumni akan membantu menjalankan aktiviti tersebut. (Bukti 20 – TOR Penyelaras Alumni). Kerjasama dengan Pejabat Alumni UiTM dijalinan untuk menganjur dan membiayai kos program secara bersama. (Bukti 21 – Poster / Surat dari Pejabat Alumni UiTM/ Kertas kerja).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB04_SC03_20231_BUKTI 16 DAN 18 Talent Cluster Report.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB04_SC03_20232_BUKTI 11 DAN 17 Laporan Program USR \(FACT PPD\).pdf](#)
3. [F0014_S01_SB04_SC03_20233_BUKTI 16 DAN 18 Talent Cluster Report.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB04_SC03_20234_BUKTI 19 poster alumni sharing session.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB04_SC03_20235_BUKTI 20 TOR Penyelaras Alumni - RICAEN.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Inovasi yang terhasil dari PPS dapat dilihat dari pelaksanaan program Lazada Seller Onboarding. Ianya merupakan program susulan dari program JIK bersama Lazada. Antara objektif utama program ini adalah:

- Melengkapkan pelajar dengan ilmu keusahawanan secara atas talian
- Menarik minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya
- Memberi pendedahan, pengalaman peluang perniagaan digital kepada warga universiti dan seterusnya membudayakan keusahawanan digital di UiTM.

Selain dari itu pemerksaan pengoperasian Talent Cluster di FPN yang berterusan memberi tumpuan kepada pengembangan bakat bercirikan Catalyst, Enabler dan Enhancer secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti JIK aktiviti FPN.

Sistem ganjaran dan pengiktirafan yang mantap adalah salah satu elemen ekosistem PPS FPN yang sentiasa diberi perhatian oleh kepimpinan FPN. Ini adalah kerana pengiktirafan yang sewajarnya harus diberikan kepada warga bagi mengenang jasa, komitmen dan penat lelah yang telah diberikan untuk sentiasa menjadikan FPN cemerlang. Oleh itu, satu majlis apresiasi Anugerah Kecemerlangan Fakulti (AKF) 2022 telah diadakan bertujuan untuk menyampaikan anugerah kecemerlangan bagi tiga (3) kategori iaitu penyelidikan, akademik dan staf pentadbiran. Bagi warga akademik, majlis apresiasi ini juga memberi pengiktirafan terhadap penyertaan mereka sebagai ahli Talent Cluster melalui kecemerlangan penghasilan penyelidikan, penerbitan, inovasi, konsultansi dan aktiviti kemasyarakatan secara berkumpulan. Anugerah yang diberikan juga bertujuan untuk memberi dorongan kepada pensyarah supaya lebih meningkatkan kualiti mutu kerja secara keseluruhannya. Ianya juga dapat memberi motivasi dalam menghasilkan pasukan kerja yang mantap, #togetherness di dalam memberikan hasil JIK yang berkualiti dan cemerlang. Pengiktirafan dan penghargaan secara kolektif ini dilihat dapat memacu kepada penghasilan output yang lebih banyak dan berkualiti, sekaligus menyumbang kepada pencapaian objektif UiTM sebagai Globally Renowned University pada tahun 2025 (Bukti 22: Kertas Kerja Majlis Apresiasi Kecemerlangan Fakulti 2022).

Manfaat dari pemberian pengiktirafan dan penghargaan kepada pemegangtaruh FPN juga dilihat dapat menghasilkan impak terhadap aktiviti JIK yang dijalankan. Sijil penyertaan yang diberikan kepada peserta program USR/KTP telah dapat meningkatkan minat peserta untuk terus terlibat di dalam program kendalian FPN di masa hadapan. Selain itu, penghargaan kepada alumni melalui lantikan 22 Alumni Ambassador di majlis Hari Bersama Industri dan Alumni pada Disember 2022 telah membuka ruang kepada penganjuran aktiviti kolaborasi dan keusahawanan yang lebih berimpak. (Bukti 23: Lantikan Alumni Ambassador).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB05_20231_BUKTI 22 kertas kerja Majlis Apresiasi Fakulti 2022.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB05_20232_BUKTI 23 lantikan Alumni Ambassador.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPN menggariskan pengoperasian yang sistematik dalam penyediaan perancangan strategik bagi inisiatif **jaringan industri dan keusahawanan** (rujuk **Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2020-2025 (PSFPN2020-2025)**). Perancangan strategi tahunan berkaitan jaringan industri dan keusahawanan melibatkan kesemua PTJ di FPN iaitu Pejabat HEA, Pejabat RICAEN, Pejabat HEP dan Pejabat Pentadbiran. Tonggak utama perancangan strategik FPN adalah visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka di dunia pada tahun 2025 (**Globally Renowned University 2025**). FPN berperanan sebagai **Catalyst, Enabler dan Enhancer** dengan menghasilkan staf dan pelajar yang mempunyai **Global Competencies**. Justeru, FPN juga perlu memainkan peranan untuk menjadikan fakulti sebagai pusat rujukan akademik terkemuka di peringkat global (**Globally Renowned Faculty**).

Melalui jaringan industri dan keusahawanan, tiga fokus utama iaitu **penyelidikan dan penerbitan, keusahawanan dan pembangunan kepakaran** telah dipacu dalam membina **Global Competencies** warga FPN yang seterusnya berperanan sebagai **Catalyst, Enabler dan Enhancer** kepada lebih banyak aktiviti bersama industri and dan pemegang taruh yang lain. Tiga fokus utama tersebut adalah aspek terpenting, selain daripada pengajaran dan pembelajaran dalam membina nilai tambah kompetensi pensyarah. Beberapa mekanisme telah digariskan seperti yang terdapat dalam **PSFPN2020-2025** bagi mengenalpasti peluang-peluang penyelidikan, penerbitan dan keusahawanan yang dapat diakses serta mengenal pasti sumber kolaborasi bersama rakan strategik yang boleh menyumbang ke arah pencapaian KPI yang berkaitan. Pelaksanaan operasi yang cekap dan mantap dapat dilakukan dengan kerjasama jitu pensyarah, pelajar dan staf pentadbiran. Dalam pada itu FPN mengenalpasti risiko yang berkemungkinan menjejaskan operasi **penyelidikan dan penerbitan, keusahawanan dan pembangunan kepakaran** serta langkah-langkah pencegahan risiko tersebut. Proses penambahbaikan dan semakan semula dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan mengambilkira maklumbalas yang diterima daripada pensyarah, dan pemegang taruh yang lain.

FPN **menitikberatkan proses pemantauan** bagi aktiviti jaringan industri dan keusahawanan untuk memastikan penambahbaikan secara berterusan. Operasi **penyelidikan dan penerbitan, keusahawanan dan pembangunan kepakaran** dipantau oleh tadbir urus organisasi yang menyeluruh bagi nya akan menyumbang kepada pencapaian **Global Competencies**. Hasil pemantauan ini dianalisa bagi mengenal pasti perubahan atau penambahbaikan kepada perancangan strategik FPN. FPN juga **sentiasa mengkaji semula pencapaian dan mengambil tindakan secara berkala** untuk memastikan keberkesanan setiap program yang dirangka. Pelaporan pencapaian yang disediakan dibincangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

Penambahbaikan melalui inovasi seperti program '**Innovation Grooming**', **Research Champion, Writing Bootcamp** serta penambaaian kluster penyelidikan memantapkan dan melestarikan kompetensi dan kepakaran pensyarah dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan inovasi yang melibatkan kolaborasi dengan pakar dari luar. **Pangkalan data alumni** diwujudkan sebagai pengumpulan maklumat berpusat dalam memudahkan jalinan berterusan bersama alumni. Penambaaian ke atas kluster penyelidikan juga dilihat sebagai pendekatan menyeluruh bagi membantu operasi kepakaran pensyarah dalam penyelidikan dan penerbitan seterusnya peluang berkolaborasi bersama rakan strategik. Usaha ini adalah untuk menentukan kelestarian pensyarah FPN sebagai pakar rujuk pihak-pihak dalam dan luar UiTM. Kompetensi dan kepakaran yang dimiliki ini membantu pensyarah FPN mencapai **Global Competencies** dan memenuhi peranan FPN sebagai **Catalyst, Enabler dan Enhancer**, seterusnya menyahut seruan visi UiTM untuk menjadi sebuah institusi cemerlang di peringkat global (**Globally Renowned University 2025**).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berdasarkan kepada PSFPN2020-2025, pendekatan dalam pengoperasian jaringan industri dan keusahawanan merangkumi tiga fokus utama; jaringan penyelidikan dan penerbitan, jaringan keusahawanan dan jaringan pembangunan kepakaran yang menerapkan inovasi dan perkongsian pengetahuan.

FPN menjalankan empat projek bagi operasi jaringan penyelidikan dan penerbitan; **Research Champion**, **Research Alliance**, **Sparkling Research Cluster** dan **Innovation Champ**. Projek **Research Champion** diwujudkan bagi menyemarakkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Beberapa orang pensyarah dilantik sebagai ahli projek **Research Champion** dan diberikan KPI tertentu pada setiap tahun termasuk menjalinkan jaringan baharu dengan universiti terkemuka (BUKTI 1). Untuk projek **Research Alliance**, MoU dan MoA yang telah ditandatangani bersama-sama rakan strategi digerakkan bagi mencapai objektifnya, melalui kolaborasi penerbitan, profesor pelawat dan webinar bersama industri (BUKTI 1). Projek **Sparkling Research Cluster** bertujuan menggerakkan kerja-kerja penyelidikan bersama pihak industri dan penyelidikan yang antaranya berteraskan keusahawanan. Projek **Innovation Champ**, melibatkan industri dan masyarakat, meletakkan inovasi sebagai objektif utama (BUKTI 1).

Bagi operasi jaringan keusahawanan, FPN mewujudkan tujuh projek; **FACT Ind-E-Zone**, **FACT Young Entrepreneur**, **FACT Entrepreneur Educator Expert**, **Dynamic Programmes**, **FACT Wizardry**, **FACT Global Outreach and Immersion** dan **FACT Care 4 Communities**. Projek **FACT Ind-E-Zone** ialah hub perniagaan mini yang menjadi pemangkin dalam memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk mengaplikasi ilmu keusahawanan. (BUKTI 2). FPN juga menjalankan projek **FACT Young Entrepreneur** melibatkan kolaborasi antara pelajar dan pihak industri dalam aktiviti keusahawanan (BUKTI 2). Projek **FACT Entrepreneur Educator Expert** dijalankan bagi memupuk kemahiran keusahawanan pensyarah (BUKTI 3). Pelajar FPN juga mendapat pendedahan berkaitan keusahawanan menerusi projek **Dynamic Programmes** dan **FACT Wizardry** yang melibatkan kursus-kursus seperti MAF671 Integrated Case Study (dengan elemen SULAM), ENT530 Principles of Entrepreneurship dan MAF661 Strategic Management di mana elemen inovasi diterapkan kepada pelajar dalam bentuk '*competition-based assessment*' dan perkongsian pengetahuan dari alumni (BUKTI 4). Projek **FACT Global Outreach and Immersion**, pelajar FPN bekerjasama dengan rakan kongsi dari universiti dan industri di peringkat antarabangsa (BUKTI 4). Projek **FACT Care 4 Communities** pula dijalankan dengan rakan kongsi untuk meningkatkan potensi kesukarelawan dalam kalangan pelajar (BUKTI 4).

Bagi operasi jaringan pembangunan kepakaran, FPN mewujudkan empat projek; **Empowering Alumni**, **Dynamic Linkages**, **Impactful Program** dan **Smart Talent**. Projek **Empowering Alumni** mewujudkan Alumni Ambassador yang dilancarkan pada 30hb November 2022. Inisiatif awal ini telah melantik 22 duta alumni untuk membangunkan kepakaran di samping sebagai '*role model*' kepada warga FPN (BUKTI 5). Projek **Dynamic Linkages** bertujuan untuk meningkatkan jaringan kerjasama dengan universiti dan industri melalui projek penyelidikan yang digerakkan oleh ahli Research Champion (RC). Ini dapat melahirkan penyelidik yang mampu mendapatkan geran penyelidikan yang berimpak tinggi (BUKTI 5). Projek **Impactful Program** dijalankan melalui aktiviti Knowledge Transfer Programme (KTP) dimana ia mensasarkan pencapaian Sustainable Development Goals (SDG4 Quality Education). Pelaksanaan KTP dibahagikan kepada tiga program iaitu Program Pengajaran Subjek Perakaunan, Program Ceramah Kerjaya kepada pelajar sekolah disekitar Puncak Alam dan Program Bersama Guru-Guru Prinsip Perakaunan di daerah Kuala Selangor (BUKTI 5). Projek **Smart Talent** bertujuan meningkatkan kepakaran dikalangan pensyarah dalam jaringan dengan pihak industri. Melalui projek ini, profesor-profesor dari dalam dan luar UiTM dijemput untuk berkongsi pengalaman, strategi dan khidmat rundingan ke arah usahasama dan jaringan dengan industri (BUKTI 5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_O01_OB02_20231_BUKTI 1 KRITERIA 6.2 FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB02_20232_BUKTI 2 KRITERIA 6.2 FPN.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB02_20233_BUKTI 3 KRITERIA 6.2 FPN.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB02_20234_BUKTI 4 KRITERIA 6.2 FPN.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB02_20235_BUKTI 5 KRITERIA 6.2 FPN.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Plan

FPN merancang strategi tahunan merangkumi program berkaitan jaringan industri dan keusahawanan seperti pernyataan 6.2 di atas.

Do

Research Champion melibatkan perlantikan enam orang pensyarah pakar sebagai ahli dan mentor dalam kluster penyelidikan untuk menggerakkan aktiviti jaringan penyelidikan dan penerbitan bersama rakan strategik dalam dan luar negara (BUKTI 1). Bagi projek **Research Alliance**, beberapa siri webinar dan konferensi melibatkan kolaborasi rakan strategik dijalankan, mempertengahan pensyarah FPN sebagai pensyarah jemputan dan penceramah ucap-tama. Projek **Sparkling Research Cluster** memerlukan setiap kluster penyelidikan mempunyai sekurang-kurangnya satu kolaborasi baharu dengan rakan strategik setiap tahun. Projek **Innovation Champ** memastikan penyertaan delegasi FPN ke pelbagai pertandingan inovasi yang dijalankan bersama rakan strategik (BUKTI 1).

FPN mewujudkan kafe mini diusahakan pelajar melalui projek **Ind-E-Zone**, melibatkan penjualan makanan ringan, mesin CofeeBot dan, mini ekspo Aidilfitri Aktiviti dengan rakan industri seperti SimplySiti Elit Student Program, Business Activity via Shopee UiTM dan Lazada Seller Onboarding Program dijalankan di bawah Projek **FACT Young Entrepreneur** (BUKTI 2). FPN berkolaborasi dengan MASMED UiTM bagi projek **FACT Entrepreneur Educator Expert**, melatih skil keusahawanan kepada pensyarah untuk dilantik sebagai mentor pelajar yang didaftarkan dalam sistem MyENT (BUKTI 2). Projek **Dynamic Programmes** melibatkan pelajar memberi konsultasi perniagaan percuma kepada pengusaha industri mikro dan SME manakala projek **FACT Wizardry** menghasilkan inovasi seperti sistem aplikasi pengguna (BUKTI 2). Projek **FACT Global Outreach and Immersion** melibatkan lawatan akademik pensyarah dan pelajar ke *Business and Economics Faculty*, Universitas Indonesia untuk membina kerjasama dan jaringan dengan universiti antarabangsa termasuk aktiviti keusahawanan (BUKTI 2). **FACT Care 4 Communities** melibatkan pelajar dalam aktiviti bercirikan 'social entrepreneurship' di mana Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) menyampaikan 'food packs' sumbangan NGO kepada pelajar B40 sekitar UCS (BUKTI 2).

Projek **Empowering Alumni** membangunkan profil Alumni Ambassador FPN berdasarkan kepakaran, pengalaman dan pencapaian mereka membolehkan aktiviti bersasar dijalankan bersama. (BUKTI 3). Bagi projek **Dynamic Linkages**, ahli **Research Champion** mewujudkan hubungan kolaborasi dengan rakan strategik baharu (BUKTI 3). FPN melaksanakan beberapa program melibatkan sekolah sekitar Kuala Selangor di bawah projek **Impactful Program** bersama KTP dengan kerjasama PPD Kuala Selangor. Bagi projek **Smart Talent**, profesor dari dalam dan luar berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam memantapkan jaringan penyelidikan, penerbitan dan keusahawanan (BUKTI 3).

Check

Penilaian pencapaian projek-projek di atas dilakukan melalui pelaporan suku tahun **PSFPN2021-2025**. Perbincangan berkala di mesyuarat JPF, PPSM dan MPE juga membuat penilaian, bersama-sama dengan penilaian melalui MKSP secara dwi-tahunan bagi memantau pencapaian objektif kualiti dalaman fakulti (BUKTI 4).

Action

FPN mengukuhkan jaringan **penyelidikan dan penerbitan** dengan menyediakan yuran penerbitan, khidmat *proofreading* dan *matching grant* dana dalaman fakulti (DDF) kepada pensyarah (BUKTI 5).

sumbangan keusahawanan pelajar ditambahkan dengan perantaraan kewangan melalui Waqf Corner (sumbangan NGO dan pensyarah) dan Tabung Pengurusan Perkhidmatan Pelajar. FPN menyediakan yuran bengkel dan kursus pendek bagi pensyarah melibatkan kepakaran dalam bidang keusahawanan (BUKTI 5). Aktiviti keusahawanan ditambahbaik sehingga ke peringkat antarabangsa melalui program e-SULAM bersama Universitas Singaperbangsa Karawang (BUKTI 5).

Maklumbalas berkaitan jaringan **pembangunan kepakaran** dari pensyarah dan rakan strategik diambilkira bagi langkah penambaaikan, diantaranya latihan-latihan tambahan diberikan kepada pensyarah supaya dapat melahirkan pakar dalam bidang masing-masing (BUKTI 5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB03_20231_BUKTI 1 KRITERIA 6.3 FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB03_20232_BUKTI 2 KRITERIA 6.3 FPN.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB03_20233_BUKTI 3 KRITERIA 6.3 FPN.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB03_20234_BUKTI 4 KRITERIA 6.3 FPN.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB03_20235_BUKTI 5 KRITERIA 6.3 FPN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pencapaian keseluruhan projek di bawah jaringan **penyelidikan dan penerbitan**, jaringan **keusahawanan** dan jaringan **pembangunan kepakaran** dipantau oleh pengurusan tertinggi FPN di MPE, pengurusan FPN bersama Pengurus Strategik Planning dan Unit Kualiti FPN di mesyuarat MKSP. Selain itu, bagi jaringan **penyelidikan dan penerbitan**, pemantauan pencapaian juga dilakukan di mesyuarat JPF, manakala mesyuarat PPSM memantau pencapaian jaringan **pembangunan kepakaran** (BUKTI 1).

Bagi jaringan **penyelidikan dan penerbitan**, setiap kluster penyelidikan perlu mempunyai tadbir urus organisasi yang lengkap bagi memastikan ahlinya menyumbang kepada penerbitan berindeks dan program penyelidikan. Sumbangan setiap ahli dipantau oleh ketua kluster dan laporan perlu dihantar ke fakulti untuk semakan seperti yang ditetapkan didalam mesyuarat MPE, MKSP dan JPF (BUKTI 2).

Bagi jaringan **keusahawanan**, setiap program perlu mempunyai struktur jawatankuasa yang memantau pelaksanaan program (BUKTI 3). Selain itu, jawatankuasa juga perlu menghantar laporan perjalanan program dalam masa sebulan setelah program berakhir untuk semakan didalam mesyuarat MPE dan MKSP (BUKTI 4).Maklumbalas bagi setiap program dapat dicapai melalui respon yang diberikan oleh peserta program untuk penambahbaikan (BUKTI 4).

Bagi jaringan **pembangunan kepakaran**, FPN menggunakan konsep "*Engagement & Encouragement*" bagi memastikan pakar yang telah dilantik memberikan sumbangan dalam bidang masing-masing. Setiap program yang dilaksanakan mempunyai struktur yang formal bagi memastikan setiap pengisian program tersebut dapat dicapai. Maklumbalas dari setiap program telah dibincangkan di mesyuarat MPE, MKSP dan PPSM untuk tujuan penambahbaikan dimasa yang akan datang (BUKTI 5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_O01_OB04_OC01_20231_BUKTI 1 KRITERIA 6.4.1 FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB04_OC01_20232_BUKTI 2 KRITERIA 6.4.1 FPN.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB04_OC01_20233_BUKTI 3 KRITERIA 6.4.1 FPN.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB04_OC01_20234_BUKTI 4 KRITERIA 6.4.1 FPN.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB04_OC01_20235_BUKTI 5 KRITERIA 6.4.1 FPN.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko FPN berpandukan kepada Pelan Tindakan Kawalan Risiko. Pemantauan dan analisa risiko oleh Pemilik Risiko bagi setiap PTJ diadakan pada setiap suku tahun (BUKTI 1). Hasil pemantauan risiko berterusan FPN telah dapat memastikan kemantapan dan kesinambungan jaringan industri dan keusahawanan.

Risiko utama jaringan **penyelidikan dan penerbitan** adalah penerbitan berindeks dan penglibatan pensyarah dalam penyelidikan dan penerbitan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, penglibatan 100% pensyarah dalam penyelidikan, penerbitan dan inovasi juga tidak dapat dicapai. Program penyelidikan dan penerbitan juga menghadapi risiko kekurangan peluang jaringan industri memandangkan dana dari industri lebih tertumpu kepada bidang sains dan teknologi (BUKTI 2).

Risiko utama jaringan **keusahawanan** adalah modal dan masa yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat mengoptimumkan skill keusahawanan yang mereka pelajari. Skill keusahawanan yang cuba diterapkan kepada pelajar juga tidak digunapakai sepenuhnya di mana hanya segelintir pelajar terlibat dengan aktiviti keusahawanan di FPN. Ini adalah disebabkan ketidakbersediaan pelajar untuk melibatkan diri dalam program-program yang dijalankan atas kekangan masa dan tumpuan yang perlu lebih difokuskan kepada aktiviti pembelajaran. Pensyarah juga kurang bersedia untuk menjalankan program berkaitan keusahawanan kerana jadual pengajaran yang padat dan KPI penyelidikan yang tinggi (BUKTI 3).

Risiko utama jaringan **pembangunan kepakaran** adalah pembangunan pangkalan data bagi alumni. Ada di antara alumni tidak bersedia untuk memberikan data yang diminta kerana isu kerahsiaan data di bawah "Personal Data Protection Act (PDPA)". Ini menyebabkan FPN sukar untuk mendapatkan maklumbalas dan komitmen dari alumni bagi menjalankan program yang dirancang. Bajet yang terhad juga adalah risiko yang tinggi dalam pelaksanaan program di FPN, terutamanya yang melibatkan keperluan perjalanan pensyarah ke luar kampus (BUKTI 4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB04_OC02_20231_BUKTI 1 KRITERIA 6.4.2 FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB04_OC02_20232_BUKTI 2 KRITERIA 6.4.2 FPN.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB04_OC02_20233_BUKTI 3 KRITERIA 6.4.2 FPN.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB04_OC02_20234_BUKTI 4 KRITERIA 6.4.2 FPN.pdf](#)
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan FPN mencapai sasaran yang ditetapkan, setiap PTJ perlu mengkaji pencapaian PSFPN2020-2025, KPI universiti dan juga objektif kualiti FPN. Semua tindakan penambahbaikan dilaporkan dan dibincangkan di MPE, MKSP dan JPF (BUKTI 1).

Bagi jaringan **penyelidikan dan penerbitan**, pejabat RICAEN membuat pemantauan dan kenalpasti langkah-langkah penambahbaikan antaranya penganjuran bengkel secara berstruktur dengan menjemput penceramah-penceramah yang terdiri dari pakar dari dalam dan luar UiTM (BUKTI 2). FPN juga telah menggalakkan kolaborasi dengan pihak luar dengan menawarkan geran sepadan DDF ('*matching grant*') (BUKTI 2). Selain itu, sesi *Meet & Greet* diadakan dengan beberapa rakan strategik bagi membincangkan potensi kolaborasi geran penyelidikan dan lain-lain aktiviti penyelidikan (BUKTI 2).

Bagi jaringan **keusahawanan**, FPN meningkatkan program perkongsian ilmu dan persidangan antarabangsa untuk membuka lebih ruang kepada pensyarah dan pelajar menjalankan jaringan keusahawanan bersama industri (BUKTI 3). Ahli Alumni Ambassador dari industri telah memberikan peluang kepada pelajar dan pensyarah untuk terlibat dalam program keusahawanan bersama organisasi mereka. FPN juga telah menambahbaik pelaksanaan SULAM dengan universiti-universiti luar negara iaitu projek SULAM *International* yang melibatkan pensyarah dan pelajar FPN dan universiti luar negara tersebut (BUKTI 4).

Bagi jaringan **pembangunan kepakaran**, pangkalan data alumni yang lebih komprehensif telah dibina dengan menjalankan 'tracer study' dalam kalangan alumni yang baru atau yang telah lama bergraduasi (BUKTI 5). Penglibatan alumni dalam aktiviti-aktiviti di peringkat fakulti telah dipertingkatkan melalui penyebaran maklumat di media sosial FPN. Ini telah meningkatkan kepakaran bakat jaringan industri dan keusahawanan (BUKTI 5). Hari Bersama Industri & Alumni Homecoming (HIAH 2022) telah diadakan melibatkan rakan strategik dan alumni yang memberi impak kepada jalinan kerjasama kearah meningkatkan kepakaran pensyarah. Justeru, ahli alumni juga terlibat dalam pembangunan kurikulum dengan memberi input bagi mengenal pasti potensi perubahan kurikulum yang perlu diambil kira.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB04_OC03_20231_BUKTI 1 KRITERIA 6.4.3 FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB04_OC03_20232_BUKTI 2 KRITERIA 6.4.3 FPN.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB04_OC03_20233_BUKTI 3 KRITERIA 6.4.3 FPN.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB04_OC03_20234_BUKTI 4 KRITERIA 6.4.3 FPN.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB04_OC03_20235_BUKTI 5 KRITERIA 6.4.3 FPN.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Ekosistem jaringan industri dan keusahawanan diperkukuhkan dengan melibatkan industri bagi membudayakan penyelidikan dan inovasi. Melalui MOU/MOA, pelbagai geran dalaman dan luaran, penyelidikan dan inovasi dan pengkomersialan berjaya digerakkan oleh ahli penyelidik, kluster penyelidikan dan Research Champion (BUKTI 1). Ini dapat melestarikan jaringan industri dan keusahawanan.

Program '*innovation grooming*' telah menggalakkan pensyarah melibatkan diri dalam kegiatan dan pertandingan inovasi. Bengkel inovasi telah dijalankan dan akan diteruskan bagi memantapkan kemahiran pensyarah dan membudayakan inovasi, termasuk kolaborasi dengan rakan strategik yang mempunyai kepakaran dalam menginovasi produk (BUKTI 1).

SULAM International telah dikembangkan dan akan diteruskan dengan penglibatan rakan strategik antarabangsa yang lain. Fokus *SULAM International* tidak hanya tertumpu kepada aspek akademik tetapi dapat disebar luas meliputi aktiviti penyelidikan, penerbitan dan keusahawanan (BUKTI 1).

'Bilangan ahli '*Research Champion*' akan ditambah pada masa hadapan untuk meningkatkan sinergi aktiviti penyelidikan, penerbitan dan keusahawanan. FPN melantik *publication manager* untuk meningkatkan jaringan dengan akademia luar bagi memastikan hasil penyelidikan berjaya diterbitkan. Ini juga bagi mengukuhkan usaha pembudayaan penyelidikan dan penerbitan (BUKTI 2). Bagi menyemarakkan lagi budaya penyelidikan dan penerbitan di kalangan pensyarah, FPN telah merancang untuk mengadakan '*Writing Bootcamp*' yang dijadualkan berlangsung secara bersiri (BUKTI 3).

Penyelaras Alumni di peringkat fakulti dilantik bagi mengkoordinasi aktiviti-aktiviti yang melibatkan alumni di samping membangunkan pangkalan data alumni. Ini telah berjaya mengumpulkan data alumni FPN yang kini mempunyai data seramai lebih 3000 alumni. FPN juga mempunyai perancangan untuk mengadakan aktiviti berkolaborasi dengan Persatuan Alumni Perakaunan (UAA) UiTM dengan melibatkan alumni fakulti secara aktif (BUKTI 4).

Hasil daripada inisiatif FPN dalam menggalakkan jaringan penyelidikan dan penerbitan, keusahawanan dan pembangunan kepakaran dilihat dapat menghasilkan satu budaya **Catalyst, Enabler and Enhancer** dalam kalangan warga fakulti. Pembudayaan penyelidikan dan penerbitan ini seterusnya mendorong pensyarah untuk merintis peluang-peluang kolaborasi bersama pihak luar dan agensi kerajaan secara independen (BUKTI 5). Budaya ini juga sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan pensyarah bukan sahaja untuk mencapai sasaran tahunan fakulti, malah untuk meningkat kepakaran dan kompetensi diri seterusnya melahirkan warga FPN yang dapat memacu UiTM kearah **Globally Renowned University 2025**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB05_20231_BUKTI 1 KRITERIA 6.5 FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB05_20232_BUKTI 2 KRITERIA 6.5 FPN.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB05_20233_BUKTI 3 KRITERIA 6.5 FPN.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB05_20234_BUKTI 4 KRITERIA 6.5 FPN.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB05_20235_BUKTI 5 KRITERIA 6.5 FPN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Pelanggan FPN terdiri daripada pensyarah dan pelajar (pelanggan dalaman) dan rakan strategik daripada sektor kerajaan, rakan industri, alumni dan komuniti (pelanggan luaran). Pengurusan pelanggan yang berkesan menjadi kunci utama dan ianya berdasarkan tema '**Catalyst**', '**Enabler**' dan '**Enhancer**' yang mempunyai hubungan dengan '**Global Competencies**'.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dua kategori pelanggan FPN terdiri daripada pensyarah dan pelajar sebagai pelanggan dalaman yang utama dan rakan strategik sebagai pelanggan luaran yang terdiri daripada sektor kerajaan, rakan industri, alumni dan komuniti. Bagi memastikan kepentingan dan keperluan pelanggan dapat dipenuhi dengan sebaik mungkin, pengurusan pelanggan yang berkesan menjadi kunci utama. FPN telah menetapkan tema yang berkaitan adalah '**Catalyst**', '**Enabler**' dan '**Enhancer**' yang mempunyai hubungan dengan '**Global Competencies**'. '**Catalyst**' bermaksud pemangkin perkongsian dan kerjasama strategik. '**Enabler**' pula adalah penggalak perkongsian berpacuan nilai manakala '**Enhancer**' merujuk kepada hab rujukan kepakaran. Antara inisiatif di dalam Pelan Tindakan Strategik 2021 yang telah dirancang untuk dilaksanakan yang mana ianya menepati '**Strategic Theme**' seperti FACT Entrepreneur Educator Expert, FACT Young Entrepreneur, Dynamic Program, Empowering Alumni dan FACT Care 4 Communities. Segala daya dan usaha ditumpukan oleh FPN bagi memastikan pelan tindakan yang dirancang, dijalankan dengan jayanya supaya kepentingan pelanggan tidak terkesan.

Akademia merupakan pelanggan utama FPN yang memastikan pencapaian kecemerlangan di dalam prestasi akademik dan bukan akademik termasuk bidang **keusahawanan**. **Jaringan industri dan keusahawanan yang diberi tumpuan** oleh FPN dipercayai dapat memastikan kompetensi yang cemerlang di kalangan akademik seterusnya dapat menyumbang kepakaran mereka kembali kepada pelajar, sektor kerajaan, industri dan komuniti ('**Enabler**'). Menerusi inisiatif FACT Entrepreneur Educator Expert beberapa pensyarah telah menjalani latihan yang dikelola oleh MASMED di UiTM mahupun badan luar UiTM seperti INSKEN (agensi dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi) (KUSKOP) dan MDEC (Kementerian Komunikasi dan Digital). Ini khususnya amat penting bagi pensyarah FPN yang terlibat di dalam projek SULAM (MAF 671), pengajaran kursus *Principles of Entrepreneurship* (ENT 530) dan projek inovasi pelajar di dalam kursus *Strategic Management* (MAF 661). Penglibatan akademik ini telah menghasilkan graduan yang menepati kehendak pasaran iaitu **graduan yang seimbang dan berciri keusahawanan** '*Employable Well Balanced Graduate*' (EWBG) sejajar dengan visi KPT untuk mengembangkan **agenda keusahawanan dalam graduan** dalam mendukung aspirasi masyarakat madani.

Bagi menzahirkan keperluan pelanggan luaran iaitu rakan strategik yang terdiri daripada sektor kerajaan, inisiatif Dynamic Linkages menerusi memorandum persefahaman telah ditandatangani bersama Institut Perakaunan Negara (IPN). IPN bersetuju melantik UiTM (FPN) sebagai penyedia tenaga pengajar bagi program keahlian badan professional di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang meliputi program ACCA, CIMA, MICPA dan CPA (Australia). Ianya juga menjamin kelestarian pengiktirafan badan professional dan kejayaan mempersiapkan staf kerajaan di dalam bidang perakaunan dan perakaunan professional. Jaringan bersama alumni pula amat penting dalam aspek penyaluran idea dan kepakaran ('**Catalyst**'). Program Alumni Ambassador telah dicetuskan bagi menggalakkan pembabitan (*Prominent Alumni*) dalam memberi sumbangan kepakaran dalam pembangunan kurikulum FPN, sumbangan kewangan bagi kebajikan pelajar dan sebagai duta/ikon dalam mempromosikan FPN. Di samping itu komuniti juga mendapat manfaat dari usahasama rakan strategik, di mana inisiatif Impactful USR Program melalui Program Khidmat Pengajaran Prinsip

Perakaunan kepada calon SPM dan Knowledge Transfer Program (KTP) kepada usahawan mikro dan usahawan asnaf telah dilaksanakan dengan jayanya dan sedang diteruskan bagi memberi impak positif kepada lebih ramai pelanggan.

Hasil tumpuan pelanggan, secara terperinci dikategorikan seperti berikut:

1. Pencapaian Bersama Sektor Kerajaan
2. Pencapaian Bersama Akademia
3. Pencapaian Bersama Alumni
4. Pencapaian Bersama Komuniti

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0014_HB02_20231_1. Hasil_1 Tahap Level.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0014_HB03_20232_2. Hasil_1 Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0014_HB04_20233_3. Hasil_1 Perbandingan Comparison.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0014_HB05_20234_4. Hasil_1 Impak.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Tumpuan Sumber Manusia

Hasil ke tiga PPS FPN ialah Hasil Sumber Manusia, iaitu pencapaian yang diukur dari Talent Excellence. Perancangan strategik FPN melalui *FACT SAP Projects 2022* menghasilkan Talent Excellence yang mampu menjadi pemacu kepada **Catalyst, Enabler** dan **Enhancer** bagi menyediakan fakulti sebagai Globally Renowned Faculty pada tahun 2025

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama tumpuan kepada sumber manusia **digarap melalui tiga aspek utama** di mana *Talent Excellence* di FPN bertindak sebagai pemangkin kerjasama dan perkongsian strategik (**Catalyst**), pemangkin perkongsian kepakaran berpacukan nilai (**Enabler**) dan mempunyai kompetensi yang tinggi serta dijadikan hab rujukan kepakaran oleh pihak luar (**Enhancer**). Justeru, konsep *Talent Excellence* dibudayakan dan menjadi amalan warga fakulti dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Hasil pertama *Talent Excellence* ialah *Catalyst*. Hasil ini tercapai apabila pensyarah FPN bertindak sebagai **pemangkin kerjasama dan perkongsian strategik** dengan termeterainya **MoU dan MoA** dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara. Rentetan itu, **tren menaik penerimaan geran** dilihat sebagai **pemacu penyelidikan dan aktiviti melibatkan jaringan industri dan komuniti** di fakulti. Hasilnya, pelbagai pengiktirafan diterima di peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Hasil kedua *Talent Excellence* adalah *Enabler*. Ianya direalisasikan apabila pensyarah FPN bertindak sebagai **pemangkin perkongsian kepakaran berpacukan nilai** melalui pembudayaan hubungan strategik *university social responsibility (USR)* iaitu dengan adanya projek-projek dan pemindahan ilmu bersama jaringan industri dan komuniti. Secara keseluruhan, **pencapaian PI melebihi sasaran** dan terdapat **peningkatan positif** dalam aspek program jaringan masyarakat. Pertambahan dana luar yang drastik menunjukkan kepercayaan pihak luar kepada kemampuan warga FPN untuk menjadi **enabler** dalam mengendalikan projek USR dan KTP bersama komuniti setempat. Ini dibuktikan apabila FPN berjaya mencapai **99% i-score UiTM FPN pada tahun 2022**, sekaligus telah meletakkan FPN di tempat pertama, malah mengatasi fakulti dan cawangan UiTM yang lain.

***Enhancer* adalah hasil ketiga *Talent Excellence*.** Hasil utama tumpuan kepada sumber manusia juga memfokuskan kepada penghasilan *Talent Excellence* yang **berkompetensi** dan berperanan penting sebagai **sumber hab rujukan** bagi pelbagai sektor iaitu sektor awam, ahli akademik, industri, alumni, serta komuniti dalam dan luar negara. Penglibatan pensyarah FPN dalam bidang **keusahawanan** serta penerimaan pelbagai **lantikan dari institusi dalam dan luar negara** membuktikan pensyarah FPN berjaya menjadi **enhancer** dalam merencanakan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan.

Hasil sumber manusia yang dicapai memberikan **impak yang besar** dalam meningkatkan **ketampakan dan reputasi** FPN di peringkat nasional dan global yang seterusnya memberi impak positif bukan sahaja terhadap **skor MyRA** dan **'subject ranking' FPN**, malah seterusnya mampu menyumbang dalam melahirkan *Talent Excellence* bertaraf global, selari dengan strategik objektif UiTM. Ini dibuktikan apabila pelbagai **anugerah** diperolehi di peringkat antarabangsa mahupun nasional sehingga berjaya melahirkan **108,000 alumni bertaraf global**. Pencapaian ini menunjukkan peranan penting pensyarah FPN sebagai **catalyst, enabler** dan **enhancer** dalam usaha memacu FPN dan UiTM bagi mencapai *Globally Renowned University* pada tahun 2025.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0014_HB02_20231_TAHAP - HASIL 2 \(final\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0014_HB03_20232_TREN - HASIL 2 \(final\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0014_HB04_20233_PERBANDINGAN - HASIL 2\(final\).pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0014_HB05_20234_KEPENTINGAN - HASIL 2 \(final\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil 1 ialah hasil daripada perancangan strategik yang dilaksanakan melalui SAP dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK), yang melibatkan inisiatif Research and Innovation. Kejayaan QS Ranking FPN menjadi daya tarikan kepada pelajar dengan matlamat mencapai 60,000 akauntan Bumiputera. Pencapaian i-Score UiTM dan MyRA memperkukuh reputasi, serta komitmen warga FPN.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Perakaunan (FPN) menerajui perancangan strategik melalui pemetaan SAP dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) melibatkan inisiatif Research and Innovation seperti Research Alliance, Sparkling Research Cluster, dan Innovation Champ. Kejayaan FPN sebagai Catalyst, Enable, dan Enhance dalam bidang Perakaunan dimanfaatkan sebagai pemangkin kerjasama strategik, penggalak nilai, serta hab rujukan kepakaran. Pencapaian hasil Penyelidikan dan Inovasi FPN menyokong tema FPN dengan tren peningkatan yang positif dan ketara dalam Hasil Pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan dari tahun 2020 hingga 2022. FPN mengukuhkan peranan utamanya dalam mencapai matlamat dengan meningkatkan jumlah geran yang diperolehi. Dalam kerangka kerjasama MoU dan kolaborasi, FPN menumpukan perhatian kepada MoU/geran melalui pencapaian jumlah dan bilangan geran sebagai ukuran pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan. Peningkatan signifikan bilangan geran bernilai tinggi melebihi ambang RM70,000, adalah petunjuk dan juga tahap kejayaan menarik dana penyelidikan. Industri dan Alumni memainkan peranan penting, terutamanya dalam aspek geran SRP/DDF. Penyumbangan ini mencerminkan hubungan kukuh dan sokongan berterusan daripada pihak luar, menghasilkan inovasi dan penyelidikan berkualiti. Komuniti memainkan peranan utama dalam menghubungkan penyelidikan dengan isu-isu komuniti yang relevan, dan kejayaannya diukur melalui bilangan penyelidikan berkait dengan komuniti melalui geran DUCS.

Kejayaan FPN dalam QS Ranking Accounting and Finance menjadi daya tarikan kepada bakal pelajar, sejajar dengan aspirasi negara untuk menambah bilangan akauntan Bumiputera. Kedudukan QS Ranking (subjek Accounting and Finance) yang konsisten meningkat yang diperolehi oleh FPN, mampu menarik minat bakal pelajar untuk menyambung pengajian di FPN seterusnya menyumbang kepada sasaran negara untuk mengeluarkan 60,000 akauntan Bumiputera. Prestasi ini juga meningkatkan reputasi FPN di peringkat nasional dan antarabangsa, serta menyokong misi untuk menjadi fakulti bertaraf global dan transformasi UiTM menjadi universiti bertaraf global. Pencapaian QS Ranking mengikut subjek ini juga turut menyumbang kepada ketampakan FPN dan UiTM sekaligus akan menaikkan reputasi FPN dan UiTM di kalangan pelanggan dan pemegang taruh tempatan dan antarabangsa. Ini sekaligus membantu ke arah misi FPN untuk menjadi Fakulti bertaraf global dan agenda transformasi UiTM untuk menjadi universiti bertaraf global (Globally Renowned University).

Peningkatan skor MyRA oleh FPN merupakan tanda aras yang signifikan dalam meletakkan FPN antara fakulti terbaik di UiTM dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Pencapaian MyRA ini menunjukkan ekosistem mantap yang menyokong aktiviti JIK merangkumi pensyarah FPN yang berkebolehan, berkepakaran, dan berkemampuan tinggi. Konsistensi prestasi dan kualiti skor MyRA FPN untuk tiga tahun berturut-turut melambangkan kesungguhan warga FPN dalam mencapai kualiti penyelidikan yang bertaraf antarabangsa. Kebolehan warga FPN dalam mencapai skor MyRA tertinggi pada tahun 2022 ini menunjukkan indikator yang positif dalam melaksanakan hala tuju dan mencapai objektif berkaitan penyelidikan FPN. Pencapaian i-Score UiTM memberi impak yang besar ke atas imej, reputasi dan ketampakan FPN di kalangan warga FPN dan UiTM. Imej dan reputasi yang cemerlang penting dalam usaha FPN untuk mengekalkan motivasi dan komitmen dari semua staf untuk turut sama melaksanakan misi fakulti. Pencapaian i-UiTM skor ini merupakan pencapaian petunjuk prestasi FPN adalah selari

dengan aspirasi UiTM secara keseluruhan. Oleh itu, imej dan reputasi yang cemerlang memberi motivasi dan komitmen dalam melaksanakan misi fakulti.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0014_HB02_20231_Hasil 3 Tahap FPN.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0014_HB03_20232_Hasil 3 Tren FPN \(1\).pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0014_HB04_20233_Hasil 3 Perbandingan-Tanda Aras FPN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0014_HB05_20234_Hasil 3 Kepentingan FPN.pdf](#)